




SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
MALAYSIA COMPETITION COMMISSION

LAPORAN
TAHUNAN



MENGGALAKKAN PERSAINGAN,
MELINDUNGKI ANDA



RASIONAL KULIT DEPAN

Angka 19 yang menyerlah dalam reka bentuk Laporan Tahunan ini menggambarkan kepentingan dan pencapaian MyCC sepanjang tahun.

Pada angka tersebut juga terkandung elemen berbentuk grafik seperti penyiasatan, kajian semula pasaran, advokasi, hubungan diplomasi antarabangsa dan perlindungan pengguna yang mewakili nilai-nilai teras kepakaran MyCC.

KANDUNGAN

01

PERUTUSAN MENTERI **01 - 02**

02

PRAKATA PENGERUSI **03 - 04**

03

**PRAKATA KETUA
PEGAWAI EKSEKUTIF** **05 - 07**

04

MAKLUMAT KORPORAT **09 - 28**

Pengenalan

Visi dan Misi

Fungsi dan Kuasa MyCC

Jawatankuasa Kerja MyCC

Jawatankuasa Khas Persaingan

Bidang Kuasa

Akta Persaingan 2010 (Akta 712)

- *Larangan Utama di bawah Akta Persaingan 2010 (Akta 712)*

Struktur Organisasi

Anggota-anggota Suruhanjaya & Ketua Pengawai Eksekutif

05

PERISTIWA PENTING **29 - 32**

06

ULASAN TAHUN 2019 **33 - 62**

Aktiviti Penguatkuasaan

Kajian Pasaran Sektor Makanan dan Pengecualian Blok

Program Antarabangsa

- *Pembinaan Kapasiti*
- *Mesyuarat Peringkat Antarabangsa*
- *Lawatan Kerja*

Program Advokasi

Komunikasi dan Perhubungan Awam

- *Berita MyCC*

07

PENYATA KEWANGAN **63 - 92**



PERUTUSAN MENTERI



DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION ISMAIL

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) diamanahkan dengan tanggungjawab untuk memastikan kepentingan pengguna dilindungi dan pada masa yang sama, perusahaan dapat beroperasi dengan cekap, inovatif dan berdaya saing. Proses ini akan lengkap dengan pelaksanaan undang-undang persaingan yang memastikan persekitaran perniagaan yang kondusif. Oleh itu, undang-undang persaingan adalah salah satu langkah penting yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan ekonomi negara kekal kompetitif dan bebas daripada amalan antipersaingan yang dapat merosakkan pembangunan ekonomi negara.

Sebagai Menteri KPDNHEP, salah satu keutamaan saya adalah untuk memastikan bahawa tiada unsur-unsur amalan yang tidak bertanggungjawab wujud dalam ekonomi domestik yang seterusnya dapat menjadikan perdagangan domestik dan

kepentingan pengguna. Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bertekad akan terus melaksanakan mandatnya dengan cekap dan berkesan dengan komitmen untuk memastikan budaya persaingan kekal kondusif serta pasaran menepati kehendak pengguna, perniagaan dan ekonomi.

Namun begitu, kesedaran berhubung dengan undang-undang persaingan dalam kalangan masyarakat di Malaysia masih tidak meluas, terutama dalam kalangan pemain industri dan pengguna. Hal ini demikian kerana pelaksanaan undang-undang persaingan merupakan satu proses yang kompleks dan memerlukan pertimbangan yang cermat bagi memastikan keberkesanannya. Dalam hal ini, kita perlu menghargai peranan aktif MyCC dalam melaksanakan beberapa siri program advokasi berimpak tinggi sejak lapan tahun yang lalu untuk mendidik orang ramai khususnya komuniti perniagaan tentang kepentingan undang-undang persaingan.


Bagi tahun 2019, Indeks Daya Saing Global 4.0 menempatkan kedudukan Malaysia pada tangga ke-27 daripada 141 negara. Indeks ini mengukur daya saing sesebuah negara berdasarkan sekumpulan institusi, dasar dan faktor yang menentukan tahap produktiviti yang diperlukan untuk mencapai kemakmuran ekonomi yang berterusan pada masa ini dan dalam jangka masa sederhana.

Sementara itu, kedudukan global Malaysia melonjak dengan ketara ke tangga ke-15 dalam aspek kemudahan menjalankan perniagaan pada peringkat global, mengatasi negara-negara seperti Kanada (ke-22), Jerman (ke-24), Perancis (ke-32), Switzerland (ke-38) dan Jepun (ke-39). Malaysia juga dilaporkan menduduki tempat kedua di rantau ASEAN selepas Singapura.

Perlu ditegaskan bahawa ekonomi yang mempunyai tahap persaingan yang sihat dapat meningkatkan daya tarikan negara sebagai pusat menjalankan perniagaan selain dapat menarik aliran masuk pelaburan domestik dan asing yang besar. Keadaan ini juga memberikan manfaat yang besar kepada pengguna apabila mereka menikmati harga yang lebih rendah dan kompetitif, perkhidmatan yang lebih baik dan pilihan yang lebih meluas. Oleh itu, MyCC akan terus memegang mandat Kerajaan untuk memastikan usaha yang bersepadan diambil untuk memerangi amalan antipersaingan dan mewujudkan pasaran yang kukuh dan berdaya saing selaras dengan keperluan pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan.

Saya percaya bahawa dalam tempoh yang mencabar ini, dengan perkembangan ekonomi dan perubahan teknologi yang pesat, MyCC, sebagai pengawal selia perlu sentiasa berwaspada untuk mencegah amalan antipersaingan daripada berakar umbi dan berleluasa dalam pasaran baharu dan pasaran yang sedang pesat membangun. Kementerian akan terus memberikan sokongan yang padu kepada MyCC untuk mengawasi dan mengambil tindakan terhadap mana-mana syarikat yang didapati melanggar Akta Persaingan 2010.

PERUTUSAN PENGERUSI



DATO' SERI MOHD HISHAMUDIN MD YUNUS

Pengerusi

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ditubuhkan pada 1 April 2011 sebagai sebuah badan pengawalseliaan yang ditugaskan untuk memastikan proses persaingan yang adil dan kondusif dalam negara ini. Sejak ditubuhkan, MyCC telah berusaha dengan gigih dalam melaksanakan misinya untuk menjadi pihak berkuasa persaingan yang terunggul di Malaysia. MyCC telah berjaya meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan perniagaan dan masyarakat awam mengenai kepentingan pematuhan terhadap Akta Persaingan 2010. MyCC, sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), telah memupuk persaingan yang adil dalam Malaysia melalui penyiasatan dan advokasi. Sehingga kini, MyCC kekal sebagai sebuah badan pengawalseliaan penting Kerajaan dalam hal-hal yang berkaitan dengan persaingan.

Tahun 2019 sekali lagi merupakan tahun yang produktif dan cemerlang buat MyCC. MyCC telah memperoleh beberapa pencapaian dan pengiktirafan dalam usahanya yang berterusan untuk menerajui persekitaran perniagaan yang adil, kompetitif dan kondusif di Malaysia. Pada tahun 2019, MyCC telah dipilih sebagai Pengerasi kepada Kumpulan Pakar ASEAN untuk Persaingan (AEGC) bagi mewakili Malaysia. MyCC juga telah berjaya menganjurkan dan menjadi tuan rumah Menyuarat Kumpulan Pakar ASEAN untuk Persaingan (ASEAN Experts Group on Competition, AEGC) kali ke-23 dan ke-24 masing-masing pada bulan April

dan Oktober 2019. Satu pencapaian penting oleh MyCC berikutan kejayaan penganjuran AEGC ialah Malaysia telah dipilih untuk menjadi negara perintis dalam melaksanakan proses Peer Review yang memberikan tumpuan pada advokasi persaingan sepanjang tahun-tahun penguatkuasaan yang dijangka akan disempurnakan pada tahun hadapan.

Sepanjang tahun ini, MyCC telah menerima 163 aduan, dan daripada jumlah tersebut, 89 kes telah diselesaikan. Peningkatan jumlah aduan sejak beberapa tahun kebelakangan ini menunjukkan peningkatan tahap kesedaran mengenai kewujudan MyCC dan undang-undang persaingan di Malaysia. Program advokasi yang dijalankan sejak penubuhan MyCC telah menunjukkan kesan positif dan telah jelas terbukti apabila MyCC telah mendapat pengiktirafan melalui jemputan daripada agensi Kerajaan dan syarikat swasta untuk memberikan taklimat mengenai Akta Persaingan.

Sepanjang tahun ini, MyCC terus berusaha untuk memerangi kegiatan tipuan bida dan amalan antipersaingan yang lain sebagai salah satu usaha untuk memastikan kesaksamaan dan keadilan dalam pasaran komersial di Malaysia. Usaha MyCC ini telah dicerminkan melalui inisiatifnya dalam penganjuran forum tahunan berkaitan tipuan bida. MyCC telah menganjurkan forum ini sejak 2016 untuk meningkatkan tahap kesedaran terhadap tipuan bida yang dilakukan dalam perolehan Kerajaan. Inisiatif ini kemudiannya telah mendorong kepada kejayaan pendakwaan kes pertama membabitkan tipuan bida di Malaysia.

Dari segi penguatkuasaan, MyCC telah mengeluarkan dua keputusan yang dicadangkan kepada lapan syarikat teknologi maklumat (IT) atas tuduhan melakukan tipuan bida dan juga terhadap syarikat Grab kerana penyalahgunaan kedudukan dominan. MyCC juga telah menerima

aku janji daripada Persatuan Pemandu Pelancong Sabah (STGA) berkaitan dengan penetapan yuran profesional pemandu pelancong.

Pencapaian penting juga telah dicapai oleh MyCC pada 5 April 2019 dalam menangani isu-isu mendesak yang berkaitan dengan persaingan hak harta intelek di negara ini. Pada tarikh tersebut, MyCC telah menerbitkan dan menguatkuasakan Garis Panduan Hak Harta Intelek dan Undang-Undang Persaingan.

Sejak 2018, MyCC telah memulakan kajian semula terhadap Akta Persaingan 2010 dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010. Pada masa ini, MyCC sedang giat melaksanakan pelbagai langkah untuk memastikan pindaan yang komprehensif terhadap Akta tersebut sebelum dibentangkan di Parlimen.

Melangkah ke hadapan, MyCC akan terus meningkatkan keupayaannya melalui strategi baharu dan dinamik yang akan membantu memastikan keberkesanan pelaksanaan mandatnya bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang kompetitif di Malaysia. Usaha ini perlu bagi memastikan peranan MyCC terus relevan dalam landskap perniagaan tanpa sempadan dan perubahan dinamik yang berlaku dalam perniagaan global.

Dengan dedikasi dan komitmen yang ditunjukkan oleh MyCC untuk terus melaksanakan semua inisiatif dan program dengan gigih yang disasarkan untuk pihak berkepentingan di Malaysia, saya sesungguhnya percaya bahawa MyCC akan terus mencapai kejayaan yang lebih besar pada tahun 2020. Saya berharap agar segala usaha MyCC akan meningkatkan lagi tahap pemahaman dan kepatuhan terhadap peruntukan undang-undang persaingan di Malaysia baik dalam kalangan perniagaan maupun masyarakat pengguna.

PRAKATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



ENCIK ISKANDAR ISMAIL

Ketua Pegawai Eksekutif

Akta Persaingan 2010 (Akta 712) yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2012 bertujuan menyokong perkembangan ekonomi dengan menggalakkan dan melindungi proses persaingan. Persaingan memainkan peranan penting untuk meningkatkan kecekapan, inovasi dan keusahawanan yang seterusnya mendorong kepada penentuan harga yang kompetitif, meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan dan mewujudkan lebih banyak pilihan untuk pengguna. Sejak ditubuhkan, MyCC telah berdepan dengan banyak cabaran dalam mengoptimumkan penggunaan undang-undang ini terutama dalam menyelesaikan isu berkaitan persaingan. Memandangkan wujudnya dinamisme dalam persekitaran perniagaan pada masa ini dan masa hadapan, MyCC akan terus berusaha mempertingkatkan peranannya dalam ekonomi. Namun begitu, suatu tempoh masa diperlukan untuk memberikan pemahaman dalam kalangan pihak berkepentingan dan orang awam berhubung kepentingan Akta ini bagi meningkatkan dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

MyCC sentiasa konsisten dalam usaha meneruskan program advokasinya yang melibatkan rangkaian aktiviti yang luas dengan tujuan untuk meningkatkan pemahaman persaingan dan manfaatnya dalam lingkungan besar masyarakat. Menyedari bahawa perniagaan mungkin tidak memahami sepenuhnya manfaat undang-undang dan dasar persaingan atau mungkin mempunyai persepsi negatif terhadap penguatkuasaan persaingan, MyCC telah

menganjurkan pelbagai aktiviti advokasi untuk meningkatkan kesedaran kepada orang ramai khususnya pihak berkepentingan yang terdiri daripada pengawal selia sektor, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), ahli akademik, pelajar, badan profesional, persatuan perniagaan, pengamal serta agensi Kerajaan dan kementerian sejak Akta dikuatkuasakan beberapa tahun lalu. Dalam hal ini, advokasi merupakan salah satu komponen dan pelaburan yang penting untuk MyCC meneruskan fungsinya dalam usaha mencegah tingkah laku antipersaingan di negara ini. Pada tahun 2019, MyCC melakarkan beberapa pencapaian penting dalam usahanya yang berterusan untuk memenuhi matlamat ini. MyCC telah meneruskan promosi #bebaskartel yang diperkenalkan sejak tahun lepas bersempena dengan Ulang Tahunnya yang ke-7.

MyCC terus menjalin kerjasama yang erat dengan pihak berkepentingan dalam industri bagi membangunkan lagi sumber dalam bidang persaingan dan perniagaan yang adil. Pada tahun 2019, MyCC telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan pelbagai universiti iaitu Universiti Putra Malaysia, Kolej Brickfields Asia dan Universiti Monash serta agensi Kerajaan iaitu Perbadanan Produktiviti Malaysia dan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia yang bertujuan untuk mengukuhkan kerjasama dalam hal-hal persaingan.

MyCC juga telah menyempurnakan kajian semula pasaran dalam sektor makanan terutamanya bagi 5 barang makanan terpilih yang bertujuan membantu usaha Kerajaan mengurangkan isu kos sara hidup yang tinggi di Malaysia. Saya, bagi pihak MyCC ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak berkepentingan termasuk agensi Kerajaan kerana memberikan maklum balas dan cadangan yang berharga sepanjang tempoh perundingan awam. Pada tahun hadapan, MyCC akan menjalankan Kajian

MyCC memberikan penekanan khusus terhadap kepentingan pembinaan kapasiti tempatan dan antarabangsa untuk membangunkan amalan terbaik dan meningkatkan kecekapan tenaga kerjanya dan pada masa yang sama melahirkan pakar-pakar mengenai undang-undang persaingan dalam memperkuuh dan meningkatkan rejim penguatkuasaan di Malaysia. Bagi mengukuhkan lagi peranannya, MyCC telah melaksanakan program pertukaran kakitangan dengan pihak berkuasa persaingan lain dalam usaha menangani isu persaingan dan berkongsi pengetahuan serta kepakaran. Pada tahun 2019, MyCC telah mengambil bahagian dalam program pertukaran kakitangan antarabangsa bersama-sama pihak berkuasa persaingan lain dengan objektif untuk memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai MyCC dalam menangani isu-isu dan kes-kes persaingan. Bagi memperkuuh dan menambah baik modal insan, MyCC juga telah menghantar pegawai-pegawaiannya ke program peringkat antarabangsa seperti program EU Summer School, KFTC 2019 Internship Programme dan program peminjaman di ACCC selain turut menyertai Program Penghantaran Pakar oleh rakan sejawat MyCC termasuk Australian Competition and Consumer Commission (ACCC), Korea Fair Trade Commission (KFTC) dan Japan Fair Trade Commission (JFTC) bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta berkongsi amalan terbaik. MyCC akan terus mengambil bahagian dalam program pembangunan kapasiti dan latihan amali untuk meningkatkan tahap kepakaran dan mengukuhkan kerjasama.

Senarai kes yang telah dijalankan dalam pelbagai sektor menggambarkan tahap kebolehsuaian dan dedikasi yang tinggi oleh tenaga kerja MyCC yang muda dan dinamik. Sejak Januari 2012, MyCC telah menyelesaikan 451 daripada 566 aduan yang diterima daripada orang ramai. Melangkah ke dekad hadapan, MyCC akan terus

PRAKATA KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Semula Pasaran di bawah Akta Persaingan 2010 bagi Sektor Perkhidmatan di Malaysia (Borong dan Runcit untuk Produk Terpilih). MyCC juga telah menyediakan tujuh nasihat dasar kepada agensi Kerajaan mengenai hal berkaitan persaingan.

MyCC memberikan penekanan khusus terhadap kepentingan pembinaan kapasiti tempatan dan antarabangsa untuk membangunkan amalan terbaik dan meningkatkan kecekapan tenaga kerjanya dan pada masa yang sama melahirkan pakar-pakar mengenai undang-undang persaingan dalam memperkuuh dan meningkatkan rejim penguatkuasaan di Malaysia. Bagi mengukuhkan lagi peranannya, MyCC telah melaksanakan program pertukaran kakitangan dengan pihak berkuasa persaingan lain dalam usaha menangani isu persaingan dan berkongsi pengetahuan serta kepakaran. Pada tahun 2019, MyCC telah mengambil bahagian dalam program pertukaran kakitangan antarabangsa bersama-sama pihak berkuasa persaingan lain dengan objektif untuk memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai MyCC dalam menangani isu-isu dan kes-kes persaingan. Bagi memperkuuh dan menambah baik modal insan, MyCC juga telah menghantar pegawai-pegawainya ke program peringkat antarabangsa seperti program EU Summer School, KFTC 2019 Internship Programme dan program peminjaman di ACCC selain turut menyertai Program Penghantaran Pakar oleh rakan sejawat MyCC termasuk Australian Competition and Consumer Commission (ACCC), Korea Fair Trade Commission (KFTC) dan Japan Fair Trade Commission (JFTC) bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan serta berkongsi amalan terbaik. MyCC akan terus mengambil bahagian dalam program pembangunan kapasiti dan latihan amali untuk meningkatkan tahap kepakaran dan mengukuhkan kerjasama.

Senarai kes yang telah dijalankan dalam pelbagai sektor menggambarkan tahap kebolehsuaian dan dedikasi yang tinggi oleh tenaga kerja MyCC yang muda dan dinamik. Sejak Januari 2012, MyCC telah menyelesaikan 451 daripada 566 aduan yang diterima daripada orang ramai. Melangkah ke dekad hadapan, MyCC akan terus berusaha untuk memastikan peranannya kekal relevan dengan visi dan misinya. Saya yakin MyCC akan menjadi antara agensi penguatkuasaan terbaik dan paling aktif di negara ini. MyCC akan terus berusaha untuk memupuk dan memastikan amalan persaingan yang adil dilaksanakan dengan jayanya mengikut pelan pembangunan negara.

Bagi pihak pengurusan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Menteri Perdagangan Daam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) atas sokongan berterusan beliau kepada MyCC. Ucapan terima kasih juga ditujukan khas kepada semua Anggota Suruhanjaya yang sentiasa memberikan nasihat dan panduan. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada rakan-rakan pasukan pengurusan dan kakitangan atas dedikasi dan komitmen mereka dalam menjalankan tugas. Tahun depan, kita akan memasuki tahun 2020 yang menandakan permulaan dekad yang baharu. Memandangkan cabaran baharu yang bakal dihadapi dalam dekad yang baharu ini, MyCC akan terus komited memelihara kebijikan pihak berkepentingan, dan bagi mencapai hasrat ini, MyCC akan sentiasa mengikuti persekitaran pasaran yang dinamik dan pesat berubah dan akan sentiasa gigih menggalakkan persaingan yang sihat dan adil di Malaysia.

Halaman ini sengaja dikosongkan.

MAKLUMAT KORPORAT





PENGENALAN

Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) telah ditubuhkan pada 1 April 2011 untuk menguatkuasakan **Akta Persaingan 2010 (Akta 712)**. Akta ini telah digubal untuk mendorong pertumbuhan ekonomi yang mampan dengan menggalakkan kecekapan, inovasi dan keusahawanan yang berdaya saing. Matlamat akhir Akta adalah untuk memastikan harga pasaran yang kompetitif, produk yang berkualiti dan pilihan yang lebih luas kepada pengguna demi perlindungan hak dan kepentingan mereka.



Menjadi pihak berkuasa yang menerajui persaingan di Malaysia



Melaksanakan mandat kami secara efisien dan efektif, dengan komitmen untuk memastikan budaya persaingan yang kondusif bagi menyediakan pasaran yang baik untuk pengguna, peniaga dan ekonomi.

FUNGSI DAN KUASA MyCC

DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA PERSAINGAN 2010 (AKTA 713)

FUNGSI

(SEKSYEN 16)



- Menasihati Menteri, pihak Kerajaan atau mana-mana pihak berkuasa awam bagi semua perkara yang berkaitan dengan persaingan;
- Menguatkusakan perundangan persaingan melalui penyiasatan, kajian pasaran dan mengeluarkan garis panduan berhubung dengan pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan; dan
- Mendidik orang awam, perusahaan dan pihak berkepentingan lain tentang manfaat persaingan kepada ekonomi secara keseluruhannya.

KUASA

(SEKSYEN 17)



- Mengenakan penalti bagi pelanggaran peruntukan undang-undang persaingan;
- Mengenakan fi atau caj terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh Suruhanjaya;
- Mengendalikan program bagi melaksanakan fungsi Suruhanjaya;
- Bekerjasama dengan mana-mana organisasi lain atau agensi Kerajaan bagi maksud melaksanakan fungsi Suruhanjaya; dan
- Meminta dan mengumpul maklumat daripada perusahaan bagi membantu melaksanakan fungsi Suruhanjaya.

JAWATANKUASA KERJA MyCC



JAWATANKUASA PENYIASATAN DAN PENGUATKUASAAN

Bertanggungjawab memastikan semua penyiasatan yang dilakukan oleh Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan dijalankan mengikut Tatacara Operasi Standard (SOP) dan amalan terbaik bagi memastikan keberkesanan dan kecekapan penguatkuasaan larangan Akta Persaingan 2010 oleh MyCC.



JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PENTADBIRAN

Ditubuhkan untuk merumuskan prinsip dan garis panduan yang mentadbir urus hal ehwal kewangan, pentadbiran dan sumber manusia, termasuk kawalan pengurusan kewangan, prosedur perakaunan, proses perolehan, pentadbiran am dan pengurusan sumber manusia untuk MyCC.



JAWATANKUASA UNDANG-UNDANG DAN PENGGUBALAN

Ditubuhkan untuk menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan nasihat undang-undang dan menggubal peruntukan-peruntukan Akta Persaingan 2010 [Akta 712] dan Akta MyCC Persaingan 2010 [Akta 713], dan juga perundungan subsidiari termasuk garis panduan.



JAWATANKUASA PEMILIHAN DAN PELANTIKAN

Ditubuhkan untuk merumuskan prinsip-prinsip dan garis panduan dalam mentadbir urus hal-hal berkaitan sumber manusia, dengan tumpuan diberikan pada pemilihan dan pelantikan pembantu penyelidik tetap dan kontrak serta pekerja sementara untuk Suruhanjaya.



JAWATANKUASA ADVOKASI DAN KOMUNIKASI

Ditubuhkan untuk memastikan semua sektor yang perlu mengetahui tentang undang-undang persaingan diliputi dalam pelan advokasi dan komunikasi, memastikan mesej yang disampaikan konsisten dan memastikan publisiti berterusan untuk MyCC.



JAWATANKUASA AUDIT DAN RISIKO

Bertanggungjawab memeriksa semua rekod, dokumen dan laporan yang berkaitan dengan masalah kewangan dan bukan kewangan; menasihati Anggota-anggota Suruhanjaya tentang pelaksanaan aktiviti yang tertakluk kepada pemeriksaan audit; memastikan prosedur yang sesuai diwujudkan untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko dari perspektif strategik dan operasi; dan memastikan pematuhan pada prosedur dan proses yang telah diluluskan dan dilaksanakan oleh MyCC.



JAWATANKUASA EKONOMI

Bertanggungjawab memeriksa semua rekod, dokumen dan laporan yang berkaitan dengan masalah kewangan dan bukan kewangan; menasihati Anggota-anggota Suruhanjaya tentang pelaksanaan aktiviti yang tertakluk kepada pemeriksaan audit; memastikan prosedur yang sesuai diwujudkan untuk mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko dari perspektif strategik dan operasi; dan memastikan pematuhan pada prosedur dan proses yang telah diluluskan dan dilaksanakan oleh MyCC.

JAWATANKUASA KHAS PERSAINGAN

Jawatankuasa Khas Persaingan merupakan sebuah Jawatankuasa yang ditubuhkan sejak 2012 dan dipengerusikan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC). Jawatankuasa ini dianggotai oleh sembilan (9) pengawal selia sektor lain iaitu Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Tenaga (ST), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Suruhanjaya Sekuriti (SC), Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dan anggota yang terbaru ialah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Bagi tahun 2019, mesyuarat Jawatankuasa Khas ini telah diadakan pada 27 September 2019 bagi membincangkan isu-isu berkaitan persaingan dalam pasaran yang melibatkan pelbagai sektor termasuk telekomunikasi, pengangkutan awam darat, kewangan, bekalan tenaga elektrik dan air, penerbangan serta harta intelek.



BIDANG KUASA AKTA PERSAINGAN 2010 (AKTA 712)

Akta 712 meliputi semua aktiviti komersial yang dijalankan di dalam dan luar negara yang mempunyai kesan terhadap persaingan dalam mana-mana pasaran di Malaysia.

Aktiviti-aktiviti yang dikecualikan daripada skop **Akta 712** ialah:



Aktiviti yang melibatkan tindakan pihak berkuasa Kerajaan



Perjanjian atau kelakuan yang mematuhi mana-mana undang-undang



Aktiviti yang dijalankan selaras dengan prinsip perpaduan



Pembelian barang atau perkhidmatan yang tidak bertujuan untuk penjualan atau pembekalan semula



Perkhidmatan yang melibatkan kepentingan ekonomi secara umum, yang merangkumi utiliti awam, atau mempunyai sifat monopoli yang dapat menghasilkan keuntungan



Tawar-menawar secara kolektif atau perjanjian bersama antara majikan dengan kesatuan sekerja bagi pihak pekerja

AKTA INI TIDAK TERPAKAI BAGI AKTIVITI KOMERSIAL YANG DIKAWAL SELIA DI BAWAH:



Akta
Komunikasi
dan Multimedia
1998

Akta
Suruhanjaya
Tenaga 2001

Akta
Pembangunan
Petroleum 1974

Peraturan-
Peraturan
Petroleum 1974

Akta
Suruhanjaya
Penerangan
Malaysia 2015

LARANGAN UTAMA DI BAWAH AKTA PERSAINGAN 2010 (AKTA 712)

Akta Persaingan 2010 (Akta 712) melarang perusahaan terlibat dalam dua bentuk kelakuan:



PERJANJIAN ANTIPERSAINGAN

(SEKSYEN 4)

Akta ini melarang apa-apa perjanjian sama ada dalam bentuk bertulis atau sebaliknya antara perusahaan yang matlamat perjanjian tersebut atau kesannya menghalang, menyekat atau menjelaskan persaingan dengan ketara dalam sesuatu pasaran bagi barang atau perkhidmatan. Perjanjian antipersaingan yang boleh berlaku secara terbuka atau rahsia (sebagai contoh kartel) wujud apabila perusahaan secara kolektif bersetuju untuk tidak bersaing atau bekerjasama antara satu sama lain dalam mengruangkan persaingan dan mengganggu kuasa pasaran.



PENYALAHGUNAAN KEDUDUKAN DOMINAN

(SEKSYEN 10)

Suatu perusahaan yang mempunyai kuasa pasaran melebihi 60% akan dianggap mempunyai kedudukan dominan dalam pasaran tersebut. Perusahaan yang berkedudukan dominan dalam suatu pasaran tidak dianggap melanggar undang-undang persaingan melainkan jika perusahaan tersebut menyalahgunakan kedudukan dominannya sehingga menyekat persaingan daripada perusahaan lain dalam pasaran yang sama, yang dapat menjelaskan kepentingan pengguna.

PENALTI KEWANGAN

Maksimum
10%



PENALTI KEWANGAN

Jika MyCC mendapati bahawa terdapat suatu pelanggaran terhadap larangan pada Akta 712, sesuatu perusahaan itu boleh dikenakan penalti kewangan sehingga **maksimum 10%** daripada urus niaga di seluruh dunia serta dikehendaki mematuhi apa-apa arahan lain yang dianggap wajar bagi menghentikan pelanggaran tersebut.

GAMBARAN PROSEDUR PENGUATKUASAAN



Ex-Officio
[S.14(1)]



Aduan
[S.15]



Arahan Menteri
[S.14(2)]



**Permohonan
Kelonggaran**
[S.41]

Penilaian
dan/atau
Siasatan



PENYIASATAN



KEPUTUSAN CADANGAN [S.36]

- Langkah Interim [S.35]
- Aku Janji [S.43]

REPRESENTASI



Bertulis dan
/atau Lisan



Pendengaran




KEPUTUSAN AKHIR

TIADA PELANGGARAN
[S.39]

PELANGGARAN
[S.40]

TRIBUNAL RAYUAN PERSAINGAN

STRUKTUR ORGANISASI MyCC



ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA



01

DATO' SERI MOHD
HISHAMUDIN MD
YUNUS

02

DATO' JAGJIT
SINGH BANT
SINGH

03

DATUK
TAY LEE LY

04

MOHD
HASSAN AHMAD

05

PROFESOR
DR SAADIAH
MOHAMAD

**06**

DR. NASARUDIN
ABDUL RAHMAN

07

DATO' IR. H.J.
MOHD JAMAL
SULAIMAN

08

DATO' H.J.
ISKANDAR
HALIM H.J.
SULAIMAN

09

DR. NOR
MAZNY ABDUL
MAJID

10

DR. MADELINE
BERMA

ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA & PENGURUSAN EKSEKUTIF

Keanggotaan Suruhanjaya terdiri daripada Pengerusi, enam anggota yang mewakili Kerajaan dan tiga anggota yang mewakili sektor swasta. Kesemua anggota, termasuk Pengerusi, dilantik oleh Perdana Menteri berdasarkan saranan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Setiap anggota dilantik untuk tempoh tiga tahun dan tertakluk pada maksimum dua penggal berturut-turut. Secara keseluruhan, Anggota-anggota Suruhanjaya mewakili pelbagai bidang iaitu undang-undang, ekonomi, kewangan, perdagangan dan kepentingan pengguna.

01

DATO' SERI MOHD HISHAMUDIN MD YUNUS



PENGERUSI JAWATANKUASA PEMILIHAN DAN PELANTIKAN

Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus ialah graduan undang-undang dari Universiti of London yang pernah berkhidmat sebagai Hakim Mahkamah Rayuan Malaysia, Ketua Pendaftar Mahkamah Agung, Peguam Kanan Persekutuan dan Presiden Mahkamah Sesyen sepanjang 45 tahun pengalaman beliau dalam bidang perundangan. Semasa berkhidmat di Mahkamah Tinggi, beliau telah memutuskan lebih daripada 750 penghakiman yang dilaporkan di dalam jurnal undang-undang. Beliau juga memperoleh pensijilan Timbangtara Komersial Antarabangsa (*International Commercial Arbitration*) dari Chartered Institute of Arbitrators, United Kingdom.

Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus juga pernah berkhidmat sebagai Penasihat Undang-Undang kepada Kementerian Perusahaan Utama dan menjadi jurucakap bagi negara-negara pengeluar getah semasa Rundingan Perjanjian Getah Asli di Switzerland. Beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai Ketua Perwakilan untuk *International Bar Association's Human Right Institute* (IBAHRI) ke Afrika Selatan sebelum menjadi Penimbang tara di Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur.

02

DATO' JAGJIT SINGH BANT SINGH



Dato' Jagjit ialah rakan pengasas firma guaman Jagjit Ariff & Co. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Undang-Undang dengan Merit (Undang-Undang Komersial dan Korporat - Harta Intelek) dari Universiti King's College, London. Kepakaran beliau adalah dalam bidang undang-undang dan aspek praktikal dan prosedur mengenai harta intelek. Beliau ialah mantan Hakim dan telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan Malaysia selama 28 tahun dalam pelbagai jawatan termasuk Peguam Kanan Persekutuan, Timbalan Perbendaharaan Peguamcara, Penasihat Undang-Undang kepada Kementerian Kesihatan, Timbalan Pendakwa Raya dan Penolong Kanan Penggubal Parlimen.

Dato' Jagjit juga merupakan ahli Pasukan Petugas Khas Hak Cipta, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada tahun 1999 sehingga 2001 dan Panel Pakar bagi Pusat Keselamatan dan Tindak balas Kecemasan ICT Negara dari 2001 hingga 2003. Beliau juga dilantik sebagai penasihat undang-undang kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Dewan Rakyat bagi Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 dan Rang Undang-undang Kanun Prosedur Jenayah (Pindaan) 2004. Dato' Jagjit Singh Bant Singh ialah pengarang bagi 'The Practical Approach to the Enforcement of Intellectual Property Rights' dan pengarang bersama bagi 'Civil Trials Guidebook'.

ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA & PENGURUSAN EKSEKUTIF

03

DATUK TAY LEE LY



PENGERUSI JAWATANKUASA
UNDANG-UNDANG DAN
PENGGBALAN

Datuk Tay Lee Ly berkhidmat sebagai Penasihat Undang-Undang (PUU) di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sejak 1 Disember 2013 dan telah berkhidmat selama 30 tahun dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundungan Malaysia. Sebagai PUU KPDNHEP, beliau juga mengetuai Bahagian Undang-Undang KPDNHEP dan terlibat dalam penggubalan beberapa perundungan yang dikawal selia oleh KPDNHEP.

Sebelum berkhidmat di KPDNHEP, Datuk Tay telah memegang pelbagai jawatan seperti Pengerusi Mahkamah Perusahaan di Kuala Lumpur, Penasihat Undang-Undang di Kementerian Kerja Raya, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri, Majistret di Mahkamah Majistret Petaling Jaya, Timbalan Pendakwa Raya, Penolong Kanan Penggubal Undang-Undang Parlimen dan Peguam Kanan Persekutuan di Jabatan Peguam Negara.

04

MOHD HASSAN AHMAD



PENGERUSI JAWATANKUASA
AUDIT DAN RISIKO

Encik Mohd Hassan kini merupakan Timbalan Setiausaha Bahagian Fiskal dan Ekonomi, Kementerian Kewangan. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari Universiti Putra Malaysia dan Ijazah Sarjana Ekonomi dari Universiti Sydney, Australia. Beliau dilantik sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik dan telah ditempatkan di Kementerian Kewangan sejak tahun 2000 sehingga kini. Beliau telah memegang pelbagai jawatan sepanjang tempoh perkhidmatan beliau di kementerian berkenaan.

05

PROFESOR DR SAADIAH MOHAMAD



PENGERUSI JAWATANKUASA EKONOMI

Profesor Dr. Saadiah ialah Profesor Ekonomi di Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Universiti Teknologi MARA (UiTM). Beliau menerima Ijazah Sarjana Muda (Perancangan Bandar dan Desa) dari University of Manchester, United Kingdom, Ijazah Sarjana (Ekonomi) dari University of Missouri, Amerika Syarikat, dan Ph.D. (Ekonomi) dari Universiti Kebangsaan Malaysia. Sebelum menjadi profesor, beliau merupakan Timbalan Dekan Jaringan Industri dan Komuniti di fakulti berkenaan. Beliau merupakan felo pelawat penyelidikan di Oxford Centre for Islamic Studies of Oxford University dari tahun 2015 hingga 2016.

Profesor Saadah telah membuat penyelidikan di beberapa organisasi seperti World Bank pada tahun 2001, Bank Negara pada tahun 2007 dan Institut Kewangan Asia pada tahun 2010 - 2011. Beliau telah menerbitkan lebih daripada 70 kertas akademik dalam bidang ekonomi, kewangan Islam dan sosial. Beliau juga merupakan pengarah pertama Forum Ekonomi Islam Dunia Pusat Antarabangsa WIEF-Uitm. Selain itu, beliau ialah ahli jawatankuasa eksekutif Persatuan Ekonomi Malaysia selama enam penggal berturut-turut dari tahun 2004 hingga 2015 dan setiausaha kehormat kepada persatuan pada tahun 2014-2015. Profesor Saadiah kini merupakan ahli Jawatankuasa Eksekutif Majlis Pendidik Kewangan Islam Antarabangsa.

06

DR. NASARUDIN ABDUL RAHMAN



PENGERUSI JAWATANKUASA ADVOKASI DAN KOMUNIKASI

Dr. Nasarudin Abdul Rahman ialah penolong profesor di Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari UIAM pada tahun 2002, Sarjana Undang-Undang Perbandingan dari UIAM pada 2008, dan Ph.D. dari Macquarie University of Sydney, Australia dalam bidang dasar dan undang-undang persaingan Malaysia.

Beliau telah menulis dan menerbitkan banyak artikel berkaitan undang-undang dan dasar persaingan Malaysia dan juga telah mengarang buku berjudul Competition Law in Malaysia yang diterbitkan oleh Thomson Reuters. Sebelum berkhidmat di UIAM, beliau ialah peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi Malaya. Dr. Nasarudin kini mengajar undang-undang syarikat untuk ijazah Sarjana Muda dan antara bidang yang diminat beliau ialah hubungan perindustrian, perbankan Islam, dan dasar dan undang-undang persaingan.

ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA & PENGURUSAN EKSEKUTIF

07

DATO' IR. HJ. MOHD JAMAL SULAIMAN



PENGERUSI JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PENTADBIRAN

Dato' Ir. Hj. Mohd Jamal Sulaiman memegang Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dari University of Salford, United Kingdom. Beliau memulakan kerjayanya sebagai Jurutera Awam pada bulan Julai 1981 dan kemudiannya ditempatkan di Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) Negeri Pahang. Sepanjang 36 tahun dalam tempoh perkhidmatan, beliau telah berkhidmat dan memegang pelbagai jawatan termasuk di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Bekalan Air Daerah Hulu Selangor di JKR Negeri Selangor.

Beliau juga pernah memegang jawatan Pengarah Dasar dan Pengurusan Korporat dari tahun 2014 hingga Januari 2017 dan sebelum bersara pada tahun itu, beliau dilantik sebagai Pengarah Kanan Kerja Raya (Sektor Bangunan) di JKR. Dato' Ir Mohd Jamal menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sebanyak dua kali dan juga Anugerah Pencapaian Khas JKR 2010 sepanjang tempoh kerjaya beliau dalam perkhidmatan awam.

08

DATO' HJ. ISKANDAR HALIM HJ. SULAIMAN



Dato' Hj. Iskandar memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Sosiologi dari Universiti Sains Malaysia (USM). Beliau mula berkhidmat sebagai Merinyu Penguatkuasaan kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pada tahun 1981 dan mempunyai pengalaman selama 38 tahun dalam bidang penguatkuasaan.

Beliau telah berkhidmat sebagai Pengarah Penguatkuasaan di Cawangan Perlis dan Sarawak sebelum ditempatkan di Ibu Pejabat pada tahun 2005 untuk mengisi kekosongan sebagai Pengarah Unit Perlindungan Harta Intelek. Pada tahun 2017, Dato' Iskandar dilantik sebagai Timbalan Pengarah Penguatkuasaan (Cawangan Operasi Khas) sebelum dilantik sebagai Pengarah Penguatkuasaan KPDNHEP. Sepanjang dalam perkhidmatan, Dato' Iskandar telah mendapat Anugerah Perkhidmatan Cemerlang sebanyak tiga kali.

09

DR. NOR MAZNY ABDUL MAJID



Dr. Nor Mazny memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (LLB) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) pada tahun 1994, Ijazah Sarjana Undang-undang Teknologi Maklumat dari *University of Strathclyde, United Kingdom* pada tahun 2002 dan seterusnya beliau memperoleh Ijazah Kedoktoran (PhD) dari Victoria University, Australia pada tahun 2012.

Dr Nor Mazny telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Tadbir dan Diplomatik sejak tahun 1995, dan mempunyai pengalaman memegang pelbagai jawatan selama hampir 24 tahun berkhidmat. Dr Nor Mazny memulakan kerjayanya sebagai Penolong Setiausaha di Kementerian Pembangunan Usahawan dan kemudian berpindah ke Kementerian Kewangan. Beliau seterusnya ditugaskan di Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sebagai Ketua Penolong Setiausaha Kanan dari tahun 2010 hingga 2011. Pada tahun 2011, beliau dilantik sebagai Pengarah Dasar dan Pembangunan, Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang di Jabatan Perdana Menteri dan kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah pada tahun 2015. Dr. Nor Mazny kini merupakan Pengarah Bahagian Tadbir Urus Institut Pendidikan Tinggi Awam di Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia.

ANGGOTA-ANGGOTA SURUHANJAYA & PENGURUSAN EKSEKUTIF

10

DR. MADELINE BERMA



Dr. Madeline memperoleh Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 1982 dan kemudian menamatkan Ijazah Sarjana Sastera di University of Wisconsin-Madison, Amerika Syarikat pada tahun 1986. Selepas itu, beliau memperoleh Ph.D. dari University of Hull, England pada tahun 1997. Dr. Madeline mendapat kepercayaan yang tinggi berikutan pengalaman akademiknya selama 35 tahun, dan dalam tempoh tersebut beliau telah memegang pelbagai jawatan semasa berkhidmat di UKM.

Kini, Dr. Madeline merupakan Ahli Pesuruhjaya di Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia dan perunding di bawah Latihan dan Perundingan NuMind Plus. Sejarah penerbitan dan penyelidikan beliau tertumpu khususnya pada bidang ekonomi pembangunan, merangkumi bidang kemiskinan, ketidaksamaan, pembangunan desa, pembangunan wanita dan masyarakat yang terpinggir. Beliau dikurniakan dengan tiga anugerah kecemerlangan iaitu Pingat Ahli Bintang Kenyalang (ABK), Anugerah Kebesaran Wanita dalam Pendidikan, dan Tokoh Wanita Sempena Hari Pekerja (CUEPACS).

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

ISKANDAR ISMAIL



Iskandar Ismail telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif MyCC pada 15 Oktober 2018 setelah berkhidmat sebagai Pengarah di Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan MyCC selama lebih 5 tahun. Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa pada tahun 1997 dan Sarjana Undang-undang Perbandingan dan Antarabangsa dari George Washington University Law School, Washington DC. Beliau telah diterima masuk sebagai Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya dan kemudiannya berkhidmat di Bank Negara Malaysia sebagai Pegawai Pendakwa selama 7 tahun. Sebelum menyertai MyCC, beliau adalah salah seorang Pendakwaraya untuk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Tribunal Jenayah Antarabangsa untuk Rwanda di Tanzania selama 8 tahun.

Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Bahagian Penyiasatan dan Penguatkuasaan, Iskandar telah memimpin dan menyelia penyiasatan kes-kes utama MyCC melibatkan Malaysian Airline System Berhad dan AirAsia Berhad, Pengendali-pengendali Depoh Kontena di Pulau Pinang, MyEG Services Bhd, Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan 22 ahlinya, Dagang Net Technologies Sdn Bhd dan beberapa perusahaan yang lain. Sebagai Ketua Pegawai Eksekutif, beliau turut menyelia kes-kes melibatkan Grab dan kes tipuan bida pertama di Malaysia melibatkan lapan syarikat IT. Beliau turut memimpin Kajian Semula Pasaran dalam Sektor Makanan yang telah mendapat perhatian meluas dan impak positif dari pelbagai pihak. Beliau juga sering dijemput untuk menjadi penceramah atau pelatih di beberapa persidangan, forum dan seminar tempatan dan antarabangsa memandangkan pengalaman dan pengetahuan praktikal beliau dalam penyiasatan dan penguatkuasaan Undang-Undang Persaingan. Iskandar turut dilantik menjadi Pengerusi bagi Mesyuarat Kumpulan Pakar ASEAN untuk Persaingan (AEGC) mewakili Malaysia bagi tahun 2019.

PERISTIWA PENTING





PERISTIWA PENTING





ULASAN TAHUN 2019





AKTIVITI-AKTIVITI PENGUATKUASAAN

Pada tahun 2019, MyCC telah menjalankan beberapa penyiasatan dan penguatkuasaan terhadap beberapa perusahaan berikut pelanggaran Akta 712.

KEPUTUSAN CADANGAN

(SEKSYEN 36)



SYARIKAT IT

MyCC telah mengeluarkan satu keputusan cadangan terhadap lapan (8) syarikat kerana terlibat dalam aktiviti tipuan bida melalui beberapa tender dengan nilai keseluruhan sebanyak RM1.92 juta yang ditawarkan oleh Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA).

GRABCAR SDN. BHD. DAN MYTEKSI SDN. BHD. (GRAB)

MyCC telah mengeluarkan keputusan cadangan terhadap Grab kerana melanggar Seksyen 10 Akta 712 secara kolektif dan telah menyalahgunakan kedudukan dominannya melalui pengenaan beberapa klausa sekatan. Klausa sekatan ini menegah pemandu-pemandu Grab daripada mempromosikan dan menyediakan perkhidmatan pengiklanan kepada pesaing-pesaing Grab dalam pasaran perkhidmatan e-panggilan (e-hailing) dan pasaran pengiklanan media transit dengan keseluruhan penalti yang dicadangkan berjumlah RM86,772,943.76

DAPATAN TIADA PELANGGARAN

(SEKSYEN 39)



COCA-COLA BOTTLERS (MALAYSIA) SDN. BHD. DAN COCA-COLA REFRESHMENTS MALAYSIA SDN BHD (COCA-COLA)

MyCC telah mengeluarkan dapatan tiada pelanggaran kepada pihak Coca-Cola memandangkan MyCC tidak menemui sebarang bukti pelanggaran berkaitan notis kenaikan harga minuman Coca-Cola yang dikeluarkan kepada pasar raya dan pasar raya besar di Semenanjung Malaysia sebelum pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) pada 1 September 2018. Siasatan dijalankan berikutan arahan Menteri (mengikut Seksyen 14 (1) Akta 712) untuk menyiasat notis yang dikeluarkan oleh Coca-Cola Bottlers (Malaysia) Sdn Bhd dan Coca-Cola Refreshments Malaysia Sdn Bhd (disebut sebagai Coca-Cola) pada bulan Julai 2018 yang mengandungi harga penjualan semula yang disyorkan bagi pelbagai jenis minuman Coca-Cola untuk dijual kepada peruncit dan harga yang disyorkan kepada pengguna. MyCC juga telah meneliti sama ada harga tersebut berupaya untuk menyekat pasar raya dan pasar raya besar termasuk pelanggan mereka untuk menentukan harga jualan semula mereka secara bebas. MyCC akhirnya memutuskan bahawa Coca-Cola dan pasar raya atau pasar raya besar tidak terlibat dalam sebarang perjanjian menegak yang mungkin akan menyebabkan kesan negatif ke atas pasaran.

AKU JANJI

(SEKSYEN 43)



PERSATUAN PEMANDU-PEMANDU PELANCONG SABAH (STGA)

MyCC telah menerima aku janji secara rasmi daripada STGA yang mewakili kesemua 477 ahlinya berhubung dengan isu persaingan melibatkan penetapan yuran pemandu pelancong oleh STGA. Mengikut aku janji ini, kesemua ahli STGA telah berjanji untuk membatalkan Yuran Profesional Minimum Pemandu Pelancong (Minimum Tourist Guides Professional Fees) bertarikh 1 Mac 2009 dan seterusnya mereka juga berjanji untuk tidak mengadakan sebarang bentuk perbincangan mengenai yuran pemandu pelancong dengan ahli STGA pada masa hadapan. Pada masa yang sama, kesemua ahli telah berjanji untuk menghentikan pelaksanaan cadangan Kadar Bayaran mengikut Panduan Yuran Profesional STGA yang dibincangkan pada Mesyuarat Agung Luar Biasa STGA pada 20 April 2017. STGA juga dalam aku janjinya akan mengingatkan semua ahlinya untuk mematuhi Akta Persaingan 2010 dengan sepenuhnya dan tidak akan teragak-agak untuk memberikan kerjasama penuh kepada MyCC sekiranya terdapat sebarang aduan yang dibuat terhadap ahlinya pada masa hadapan.

SURAT AMARAN



PERSATUAN PERNIAGAAN EMAS SABAH


Satu surat amaran telah dikeluarkan oleh MyCC kepada syarikat Persatuan Perniagaan Emas Sabah pada 14 Mei 2019 yang disyaki terlibat melakukan penetapan harga dan mungkin menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan.

AKTIVITI-AKTIVITI PENGUATKUASAAN

RINGKASAN STATISTIK 2019



	AKTIF	TUTUP
AKTIF	74	89
EX-OFFICIO	2	0
ARAHAN MENTERI	2	0



NASIHAT DASAR

Pada tahun 2019, MyCC telah mengeluarkan tujuh (7) nasihat-nasihat dasar berkaitan isu-isu persaingan kepada kementerian-kementerian dan agensi-agensi Kerajaan di Malaysia. MyCC juga menyediakan dan mengeluarkan cadangan-cadangan dan nasihat-nasihat dasar kepada Kerajaan berhubung dengan;

- | | | | |
|-----------|---|-----------|--|
| 01 | Draf Garis Panduan Menjalankan Perniagaan Dalam Talian kepada KPDNHEP | 04 | Memorandum Jemaah Menteri mengenai Dasar Pengangkutan Negara oleh Kementerian Pengangkutan |
| 02 | Cadangan Pindaan Akta Perdagangan Elektronik 2006 (Akta 658) kepada KPDNHEP | 05 | Cadangan penubuhan Jawatankuasa Bersama Mengenai Mekanisme Harga Ubat Bersama PhAMA oleh KKM |
| 03 | Mekanisme Pengawalan Harga Ubat kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) | 06 | Nasihat Dasar berkaitan perolehan tender di Kementerian Kerja Raya |

GARIS PANDUAN MENGENAI HARTA INTELEK DAN UNDANG-UNDANG PERSAINGAN

Garis Panduan mengenai Harta Intelek ini telah diwartakan sebagai **G.N. No. 6206 | Jil. 63 bertarikh 5 April 2019.**

Objektif Garis Panduan ini adalah untuk memberi orang ramai ketulusan mengenai kerumitan saling hubungan antara undang-undang harta intelek dengan undang-undang persaingan, dan juga memberikan panduan kepada MyCC berkenaan penyiasatan larangan antipersaingan yang melibatkan harta intelek. Garis Panduan ini juga mengambil kira isu-isu perlakuan antipersaingan yang boleh berlaku dalam kalangan pemegang lesen harta intelek. Sehubungan dengan itu, Garis Panduan ini berupaya menangani isu-isu persaingan yang berkaitan dalam hak harta intelek.

Ringkasnya, Garis Panduan ini merangkumi:

- | | | | |
|-----------|---|-----------|---|
| 01 | Penjelasan mengenai saling hubungan antara undang-undang harta intelek dengan undang-undang persaingan; | 03 | Larangan di bawah Akta Persaingan 2010; dan |
| 02 | Pasaran berkenaan yang melibatkan harta intelek; | 04 | Kewujudan percanggahan antara harta intelek dengan undang-undang persaingan |

Kesimpulannya, Garis Panduan ini memberi manfaat kepada perniagaan, pengguna dan pemegang lesen harta intelek di Malaysia. Melalui Garis Panduan ini, pengamal undang-undang juga mendapat manfaat daripada nasihat yang diberikan kepada industri dengan berkesan.

AKTIVITI-AKTIVITI PENGUATKUASAAN

PINDAAN AKTA

Akta Persaingan 2010 (Akta 712) telah diperkenalkan bagi mengawal proses perniagaan agar perusahaan dapat bersaing secara terbuka dan adil. Setelah hampir lapan (8) tahun penguatkuasaan Akta 712, yang bermula pada 1 Januari 2012, MyCC mendapati bahawa Akta tersebut wajar disemak bagi tujuan yang berikut:

01

Memenuhi keperluan bagi menjelaskan kehendak dasar dan diselaraskan dengan amalan terbaik dari negara-negara lain

02

Memastikan kekangan dan kelemahan dari segi pelaksanaan dan penguatkuasaan Akta 712 yang sedia ada dapat ditambah baik

03

Menambah baik proses dan prosedur penyiasatan bagi memastikan objektif Akta 712 untuk melindungi proses persaingan dapat dicapai oleh MyCC.

MyCC juga bercadang untuk memasukkan peruntukan rejim penggabungan dan pengambilalihan dalam pindaan Akta 712. Ini adalah selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat di dalam negara dan keperluan untuk memantau aktiviti penggabungan dan pengambilalihan dalam kalangan industri agar konsisten dengan matlamat persaingan.

Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713) memberi kuasa kepada MyCC untuk menjalankan fungsi-fungsi khusus seperti pelaksanaan dan penguatkuasaan peruntukan-peruntukan Akta 712. Setelah sembilan (9) tahun Akta 713 diperkenalkan, MyCC mendapati bahawa terdapat keperluan untuk meminda Akta 713 bagi memastikan pelaksanaan operasi MyCC menjadi lebih efektif dan berkesan.

KAJIAN SEMULA PASARAN SEKTOR MAKANAN

MyCC telah berjaya menyempurnakan Kajian Semula Pasaran Sektor Makanan pada tahun 2019. Kajian ini telah diterbitkan secara rasmi selepas dilancarkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail pada 6 Ogos 2019. Kajian ini adalah untuk rujukan am dan boleh didapati dalam bentuk salinan fizikal dan juga digital yang boleh diakses melalui laman web MyCC.

Kuasa untuk menjalankan kajian semula pasaran adalah tertakluk di bawah Seksyen 11 Akta 712. MyCC, atas inisiatifnya sendiri atau atas permintaan Menteri, boleh menjalankan suatu kajian semula terhadap mana-mana pasaran bagi menentukan sama ada apa-apa ciri atau gabungan ciri pasaran itu menghalang, menyekat atau mengganggu persaingan dalam pasaran.

Dalam Kajian Semula Pasaran Sektor Makanan, sebanyak **5 subsektor makanan** telah dipilih iaitu:



Daging Lembu



Ikan Kembung



Sawi Hijau Cerah



Kubis Bulat



Rumusan Bayi

Pemilihan 5 subsektor ini adalah berdasarkan perbelanjaan isi rumah bagi kumpulan makanan (iaitu daging, ikan dan makanan laut dan sayur-sayuran) yang mencakupi sebanyak 48% daripada perbelanjaan isi rumah, selaras dengan data daripada Kajian Perbelanjaan Isi Rumah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (2016).

Objektif utama Kajian Semula Pasaran Sektor Makanan yang dijalankan oleh MyCC adalah untuk memahami struktur pasaran dan mengenal pasti sebarang perlakuan antipersaingan sepanjang rantai bekalan. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk memahami perundungan dan dasar pengawalan negara dengan mencadangkan solusi terbaik untuk memperkasakan sektor ini dari aspek persaingan yang sihat.

Kajian Semula Pasaran Sektor Makanan telah dilaksanakan mulai November 2018 sehingga Julai 2019 dan telah mengambil masa kira-kira 9 bulan dengan penglibatan sebanyak 176 pihak berkepentingan sepanjang rantai bekalan seperti agensi-agensi Kerajaan, pemain-pemain industri, pengguna-pengguna, persatuan-persatuan dalam industri, dan lain-lain.

Pemilihan
5 SUBSEKTOR
mencakupi

48%

daripada
perbelanjaan isi rumah

KAJIAN SEMULA PASARAN SEKTOR MAKANAN



Bagi memastikan keberhasilan kajian yang inklusif dan berimpak tinggi ini, sesi Perbincangan Kumpulan Fokus (Focus Group Discussion) telah diadakan pada 12 Disember 2018 di Cititel Hotel, Kuala Lumpur dan seterusnya sesi rundingan awam secara fizikal pada 18 Jun 2019 dan 20 Jun 2019 masing-masing di Marriot Hotel, Putrajaya dan Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur. Selain itu, sesi rundingan awam secara dalam talian turut diadakan selama 30 hari bagi memberi peluang kepada semua pihak berkepentingan dalam sektor makanan dan sektor awam yang berminat memberikan pandangan dan input tambahan kepada MyCC untuk menambah baik hasil kajian dalam memastikan objektif yang dirangka dapat dicapai sepenuhnya. Secara ringkas, antara dapatan utama kajian ini yang perlu diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak Kerajaan adalah seperti yang berikut:

- 01** Kebergantungan Malaysia yang tinggi terhadap import makanan
- 02** Halangan kemasukan yang tinggi dalam sektor makanan
- 03** Salah guna Approved Permit (AP)
- 04** Pelbagai pengantara dalam rantai bekalan
- 05** Bilangan pengeksport yang terhad dan kekurangan bekalan daripada pembekal asing
- 06** Monopoli Pasar Borong Kuala Lumpur

PENGECUALIAN BLOK

Selaras dengan permohonan pengecualian blok yang diterima pada 29 Ogos 2018, MyCC telah menjalankan penilaian lanjut terhadap beberapa perkara utama seperti kecekapan dan tahap daya saing industri perkapalan di Malaysia. Penilaian yang mendalam telah dijalankan selama 9 bulan dan beberapa sesi libat urus bersama pemain industri serta pihak berkepentingan telah dilaksanakan bagi memastikan penilaian pengecualian blok dijalankan dengan telus dan menyeluruh.

Selaras dengan Seksyen 9 Akta 712, MyCC telah mengambil inisiatif untuk menjalankan sesi rundingan awam secara fizikal dan dalam talian dengan objektif untuk berkongsi hasil penilaian serta mendapatkan maklum balas terhadap penilaian yang dijalankan. Sesi rundingan awam ini telah dijalankan selama sebulan bermula 31 Mei 2019 hingga 29 Jun 2019. Sepanjang sesi libat urus dijalankan, MyCC telah menerima lima maklum balas bertulis daripada Kementerian Pengangkutan, Freight Forwarder Association, Persatuan Pengilang Malaysia, World Shipping Council dan Malaysian National Shippers Council.

Berpandukan penilaian dan maklum balas yang diterima, MyCC telah membuat keputusan untuk meluluskan pengecualian blok (khusus untuk Vessel Sharing Agreement) yang telah dipohon pada 19 Julai 2019, yang telah diwartakan secara rasmi pada 13 November 2019 melalui Jabatan Peguam Negara.

PROGRAM GERAN PENYELIDIKAN

Seksyen 16(g) Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 telah menggariskan fungsi MyCC untuk menjalankan kajian am mengenai isu-isu yang berkaitan dengan persaingan atau sektor-sektor tertentu dalam ekonomi Malaysia.

Selaras dengan itu dan pada tahun 2019, MyCC telah menawarkan Geran Penyelidikan di bawah **Research Grant Programme (RGP) bernilai RM50,000** kepada mana-mana penyelidik yang berminat untuk menjalankan penyelidikan strategik dalam bidang yang dikehendaki oleh MyCC. Langkah ini bagi memastikan persaingan yang sihat sentiasa berterusan oleh mana-mana sektor dalam pasaran. Bidang penyelidikan strategik yang menjadi keutamaan MyCC untuk RGP adalah seperti yang berikut:

01



Meningkatkan akses pengguna kepada barang dan perkhidmatan asas selari dengan isu kos sara hidup Pembentukan; dan

02



Pembentukan dasar persaingan dalam era ekonomi digital.

Hasil daripada penilaian terhadap 26 permohonan yang diterima, MyCC telah memilih kerjasama penyelidikan daripada UiTM dan INTI International University bagi RGP tahun 2019, dengan kajian bertajuk "Reconsideration of Competition Theory for E-Commerce Consumer Sale of Goods: Vertical Restraints".

PROGRAM ANTARABANGSA

PROGRAM-PROGRAM PEMBINAAN KAPASITI PERINGKAT ANTARABANGSA

Pada peringkat antarabangsa, MyCC juga terlibat secara aktif dalam persidangan, bengkel, mesyuarat dan pembinaan kapasiti di luar negara. MyCC juga menganggotai ASEAN Experts Group on Competition (AEGC), International Competition Network (ICN), Organization for Economic Co-operation and Development (OECD), United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD) dan lain-lain. Oleh itu, MyCC sering menerima undangan untuk menyertai program-program di luar negara sama ada program seconde ment sebagai penceramah, pemudah cara, peserta, dan juga bertemu dengan anggota-anggota lain.

Bagi keseluruhan tahun 2019, MyCC telah menghadiri sejumlah 39 program yang merangkumi forum, bengkel, program penempatan dan pembinaan kapasiti lain serta 11 mesyuarat peringkat antarabangsa. Sebanyak 5 program dan 2 mesyuarat peringkat antarabangsa telah diadakan di Malaysia, yang telah dikendalikan oleh MyCC.

		
1 Februari	Manila, Filipina	2019 Forum on Competition in Developing Countries
20-22 Februari	Bangkok, Thailand	AANZFTA Competition Law Implementation Program (CLIP) Cartel Investigations Workshop Module One
28 Februari - 1 Mac	Santiago, Chile	Workshop Economic Analysis in Horizontal and Non-Horizontal Mergers
28 Februari - 1 Mac	Kyiv, Ukraine	2019 ICN Advocacy Workshop
4-7 Mac	Tokyo, Jepun	ASEAN Training Course Strategic Planning & Management of Enforcement Activities
7-8 Mac	Singapura	GCR Live Singapore 8th Annual Asia-Pacific Law Leaders Forum
12-14 Mac	Johannesburg, South Africa	Improving Business Environment For Prosperity (IBEP) Program Peer-To-Peer Learning Event
26-28 Mac	Busan, Korea Selatan	Competition Law Workshop on Competition Rules in the Transport Sector
6-7 Mei	Ho Chi Minh City, Vietnam	Kick-off Workshop for the 2019 AEGC Priority Deliverables
7-9 Mei	Mexico City, Mexico	Competition Policy for Regulating Online Platforms in the APEC Region

		
14-17 Mei	Cartagena, Colombia	2019 ICN Annual Conference
27-28 Mei	Bangkok, Thailand	OECD KPC-OTCC Bilateral Seminar and Study Visit
12-13 Jun	Singapura	2nd Annual Competition Law Asia 2019
17-18 Jun	Bali, Indonesia	Brainstorming Meeting on the Development of Peer Review Guidance andthe Undertaking of Peer Review
18-19 Jun	Taipei, Taiwan	2019 Taiwan International Conference on Competition Policy/ Law
24-28 Jun	Kuala Lumpur, Malaysia	EU-ASEAN Competition Week 
27-28 Jun	Bangkok, Thailand	15th Annual Conference of the Asian Law and Economics Association (AsLEA)
4-5 Julai	Kuala Lumpur, Malaysia	German-Malaysian Symposium on Competition Law 
1-12 Julai	Brussels, Belgium	EU Summer School (2 weeks)
11-12 Julai	Bangkok, Thailand	Digital Integration Framework Action Plan: Consultative Workshop (DIFAP Workshop)
1-2 Ogos	Hong Kong	The Competition Enforcers and Academics Summit

PROGRAM ANTARABANGSA

PROGRAM-PROGRAM PEMBINAAN KAPASITI PERINGKAT ANTARABANGSA

		
26-27 Ogos	Pretoria, Afrika Selatan	Study Visit to the Competition Commission South Africa
27-30 Ogos	Pretoria, Afrika Selatan	Thirteenth Annual Competition Law, Economics & Policy Conference
4-6 September	Ulaanbaatar, Mongolia	Competition Law Workshop on Vertical Restraints
5-6 September	Manila, Filipina	Comprehensive Review of Potentially Anti-Competitive Laws and Regulations
9 September – 15 November	ACCC, Australia	ACCC Secondment (3 months)
10-12 September	Malaysia	CLIP Module 5: Remedies
16-19 September	Moscow, Russia	VI BRICS Competition Conference “10-year anniversary of successful cooperation: results and prospects”
17-19 September	Sydney, Australia	AANZFTA Consumer Protection Scoping Project (CPSP) Study Visit & Travel arrangements for CPSP Study Visit
25-26 September	Kuala Lumpur, Malaysia	Regional Antitrust Seminar on Market Definition and Enforcement in the Digital Economy

		
7-10 Oktober	Foz do Iguaçu, Brazil	ICN Cartel Workshop 2019
16-18 Oktober	Tokyo, Jepun	Competition Law Workshop on Competition Issues of Digitalisation
30 Oktober- 12 November	Seoul, Korea Selatan	KFTC 2019 Internship Programme
12-14 November	Seoul, Korea Selatan	OECD Workshop on Investigative Techniques for Cartel
14-15 November	Phnom Penh, Cambodia	8th ASEAN Competition Conference
19-21 November	Bangkok, Thailand	Module 6: Market Studies by Competition Agencies
3 Disember	Kuala Lumpur, Malaysia	Briefing Session on Malaysian Competition Law for Japanese Companies
4-5 Disember	Jakarta, Indonesia	Competition and Energy Regulation Workshop
6-7 Disember	Paris, Perancis	OECD Global Forum on Competition

PROGRAM ANTARABANGSA

MESYUARAT-MESYUARAT PERINGKAT ANTARABANGSA

		
31 Januari	Manila, Filipina	Side Meeting with the Mergers and Acquisitions Division of PCC
2 Mac	Santiago, Chile	APEC Competition Policy and Law Group (CPLG) Meeting
27-29 Mac	Washington DC, Amerika Syarikat	American Bar Association Section of Antitrust Law's International Task Force Washington Spring Meeting
8-12 April	Kuala Lumpur, Malaysia	The 23rd Meeting of the ASEAN Experts Group on Competition (AEGC) and related meetings
29 April – 1 Mei	Melbourne, Australia	
2-4 Julai	Brisbane, Australia	11th Meeting of the AANZFTA FJC and Related Meetings: AANZFTA CC
9-10 Julai	Ulaanbaatar, Mongolia	CLIP Commissioner's Retreat
8-12 Julai	Geneva, Switzerland	15th East Asia Top Level Official's Meeting on Competition Policy (EATOP) & The 12th East Asia Conference on Competition (EAC)
13 Julai	Bangkok, Thailand	UNCTAD - Eighteenth session of the Intergovernmental Group of Experts on Competition Law and Policy
		Special Meeting of the CoW for the AEC on the Fourth Industrial Revolution (4IR Meeting)

		
14-18 Oktober	Langkawi, Malaysia	The 24th Meeting of the ASEAN Experts Group on Competition (AEGC) and related meetings & Workshop on Regional Cooperation 
15 November	Phnom Penh, Cambodia	ASEAN Experts Group on Competition (AEGC) Head of Agencies Meeting

PROGRAM ANTARABANGSA

PROGRAM PENEMPATAN

Selain itu, *Expert Dispatch Program* juga telah diadakan di MyCC. Melalui program ini pakar-pakar persaingan daripada Australian Competition and Consumer Commission (ACCC), Korea Fair Trade Commission (KFTC) dan Japan Fair Trade Commission (JFTC) diundang ke MyCC selama 3 bulan untuk melatih pegawai MyCC berkenaan isu-isu penguatkuasaan.



Australian
Competition and
Consumer
Commission (ACCC)



Korea Fair Trade
Commission
(KFTC)



Japan Fair Trade
Commission
(JFTC)



13 MEI - 2 OGOS 2019



15 JUL - 9 OGOS 2019



7 OKT - 20 DIS 2019

Di samping itu, MyCC turut mengambil bahagian dalam dua program penempatan dengan menghantar pegawai-pegawai menyertai EU Summer School di Belgium selama 2 minggu, KFTC 2019 Internship Programme selama 2 minggu dan ACCC Secondment Programme di Australia selama 3 bulan.



ACCC Secondment Programme di Australia



EU Summer School di Belgium

LAWATAN KERJA

Sepanjang 2019 juga, MyCC telah menerima lawatan kerja daripada The Australian High Commission pada 1 Ogos 2019, Taiwan Fair Trade Commission (TFTC) pada 24 September 2019, dan The Authority for Fair Competition and Consumer Protection (AFCCP) Mongolia pada 27 September 2019.



01
AGO 2019

The Australian High
Commission



24
SEP 2019

Taiwan Fair Trade
Commission (TFTC)



27
SEP 2019

The Authority for Fair
Competition and Consumer
Protection (AFCCP) of
Mongolia



PROGRAM ADVOKASI

Secara umumnya, program advokasi merupakan salah satu kaedah selain aktiviti penguatkuasaan untuk meningkatkan kesedaran semua pihak terutamanya dalam kalangan pengguna dan perusahaan terhadap kewujudan serta peranan Suruhanjaya dan Akta 712. Pada tahun 2019, sebanyak 31 program advokasi telah dilaksanakan membabitkan pelbagai pihak dalam sektor awam, sektor swasta, pihak berkepentingan, ahli profesional dan pihak media.

Antara program-program advokasi anjuran MyCC:



FORUM MEMAHAMI DAN MENGHINDARI PERLAKUAN TIPUAN BIDA DALAM URUSAN PEROLEHAN KERAJAAN

Pada 21 Februari 2019, MyCC dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah menganjurkan Forum Memahami dan Menghindari Perlakuan Tipuan Bida dalam Urusan Perolehan Kerajaan bertempat di Dewan Tan Sri Yusof Hashim di Ibu Pejabat MARDI. Forum ini merupakan salah satu inisiatif berterusan yang dilaksanakan oleh MyCC dalam usaha mewujudkan kesedaran dalam kalangan pegawai perolehan sektor awam tentang peranan MyCC dan perlaksanaan Akta Persaingan 2010, terutamanya dalam menangani isu-isu berkaitan tipuan bida dalam perolehan awam.

Forum ini juga bertujuan untuk meningkatkan pemahaman pegawai-pegawai Kerajaan mengenai kaedah dan tatacara perolehan bagi menghindarkan tipuan bida. Forum yang dihadiri oleh 380 peserta ini telah dirasmikan oleh Dr. Kamariah Long, Timbalan Ketua Pengarah MARDI. Forum ini turut disertai tenaga pakar daripada MyCC, Jabatan Audit Negara, Bahagian Dasar dan Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk membincangkan hubung kait antara tipuan bida dengan rasuah, keberkesanan tatacara perolehan, risiko tipuan bida, isu rundingan terus dan siasatan yang dijalankan oleh MyCC berkaitan tipuan bida.



SIRI SEMINAR PERSAINGAN 2019: KATAKAN TIDAK KEPADA TIPUAN BIDA DAN TRANSFORMASI PERNIAGAAN MELALUI PEMATUHAN DAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG PERSAINGAN 2010

Pada 8 Ogos 2019, MyCC telah menganjurkan kursus untuk pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat secara langsung dalam proses perolehan. Siri Seminar 2019 iaitu Katakan Tidak Kepada Tipuan Bida ini merupakan program advokasi yang julung kali diadakan di Sabah khususnya di Kota Kinabalu, Tawau dan Sandakan.

Di samping itu, MyCC turut melancarkan Sistem e-Pembelajaran Pematuhan Persaingan yang telah diperbaharui dan ditambah baik. Majlis yang disempurnakan oleh YAB Datuk Seri Panglima Haji Mohd Shafie Haji Apdal, Ketua Menteri Sabah turut disaksikan oleh YB Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan YBhg. Dato' Seri Mohd Hishamudin Md Yunus, Pengerusi MyCC. Seminar ini merupakan salah satu usaha berterusan MyCC dalam mendidik pegawai Kerajaan untuk mengesan dan menangani sebarang aktiviti tipuan bida dalam prosedur perolehan awam Kerajaan.

Pada 9 Ogos 2019, MyCC telah mengendalikan taklimat khusus kepada komuniti perniagaan dan industri dalam usaha meningkatkan kesedaran dan menggalakkan pematuhan ke atas Akta 712. MyCC turut memberi latihan dan penerangan terperinci dalam penggunaan sistem e-pembelajaran yang dikenali sebagai "Sistem e-Pembelajaran Pematuhan Persaingan untuk SME".

PROGRAM ADVOKASI



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)

Sepanjang tahun 2019, MyCC telah menandatangani lima Memorandum Persefahaman (MoU) dengan tiga institusi pengajian tinggi iaitu Universiti Putra Malaysia, Briekfields Asia College dan Monash University Malaysia dan dua lagi dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dan Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER).

Tujuan utama MoU dengan institusi pengajian tinggi awam dan swasta adalah untuk memastikan subjek atau modul undang-undang persaingan dapat dibangunkan di universiti-universiti tersebut. Selain itu, MoU ini juga merupakan salah satu platform kepada pelajar di universiti tersebut mendapatkan peluang untuk menjalankan latihan industri di MyCC dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai pakar dalam bidang undang-undang persaingan di Malaysia.

MoU antara MyCC dengan MPC yang berteraskan "Senarai Semak APEC-OECD bagi Pembaharuan Pengawalseliaan" memberi keutamaan kepada Penilaian Impak Persaingan untuk dimasukkan dalam Analisis Impak Peraturan (RIA). Sementara itu, perjanjian antara MyCC dengan MIER dapat memberi ruang kepada kedua-dua agensi untuk berkongsi kepakaran dalam bidang penyelidikan ekonomi dan dasar dengan kerajaan.

Pemeteraihan MoU ini dijangka dapat membangunkan aktiviti pendidikan, penyelidikan dan program advokasi antara MyCC dengan rakan-rakan MoU, di samping memperkuuh pelaksanaan Akta 712 dalam usaha memelihara proses persaingan yang sihat untuk perniagaan dan pengguna.



SESI MEJA BULAT BERKAITAN PERLAKSANAAN DAN PENGUATKUASAAN AKTA PERSAINGAN 2010

Pada 18 Disember 2019, MyCC telah menganjurkan sesi meja bulat untuk mendapatkan maklum balas berkaitan peranan, fungsi dan kesan penguatkuasaan Undang-undang Persaingan 2010 dalam kalangan pengawal sektor, pengamal undang-undang, ahli akademik, perusahaan dan pihak berkepentingan. Hasil maklum balas dan pandangan daripada sesi meja bulat ini akan digunakan bagi meningkatkan fungsi MyCC pada masa akan datang.



KURSUS AKTA PERSAINGAN 2010 DI ILKAP

Pada 2 – 3 April 2019, MyCC dengan kerjasama Institut Latihan Kehakiman dan Perundungan (ILKAP) telah mengendalikan Kursus Akta Persaingan 2010 di kampus ILKAP, Bandar Baru Bangi. Kursus yang melibatkan seramai 30 orang peserta terdiri daripada pegawai-pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundungan, Agensi Penguatkuasaan dan sektor swasta. Objektif kursus ini adalah untuk memperkenalkan peranan dan fungsi MyCC secara amnya dan isu-isu berkaitan Akta 712 secara khusus kepada para peserta.

PROGRAM ADVOKASI

SENARAI PROGRAM-PROGRAM ADVOKASI 2019

		
12 Januari	Pusat Timbang Tara Antarabangsa Asian (AIAC)	LEXICON 2018/19
13 Januari	Hotel Marriot, Putrajaya	"Emergence of Competition Law in Malaysia" pada Mesyuarat Majlis Hakim-Hakim Malaysia Kali Ke-53
18 Januari	Sky Park One City, Subang Jaya	Sesi Taklimat mengenai Akta Persaingan 2010 kepada Honda Trading Malaysia Sdn Bhd
21 Februari	Dewan Tan Sri Yusof Hashim, Ibu Pejabat MARDI, Serdang	Forum Memahami dan Menghindari Perlakuan Tipuan Bida dalam Urusan Perolehan Kerajaan
27 Februari	TNB Dua Sentral, KL	Sesi Taklimat mengenai Akta Persaingan 2010 kepada Jabatan Perkhidmatan Undang-undang, Tenaga Nasional Berhad (TNB)
5 Mac	Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan, Menara Tun Ismail Mohamed Ali	Program Sesi Perkongsian Pengetahuan: Tipuan Bida dan Kartel dalam Perolehan Kerajaan - Jabatan Kerja Raya Malaysia
19 Mac	Hotel Pavilion , Kuala Lumpur	Legal 4.0: Leveraging Caliber Competition Practices to Achieve Efficient Functional Performance in Organisation
20 Mac	MITEC, KL	International Construction Week (ICW) 2019 & ASEAN SUPER 8
2-3 April	Bilik Kaedah, Bangunan Perdana.	Kursus Akta Persaingan 2010 di ILKAP
2 April	Hotel Eastin, KL	The 8th Annual National Procurement Conference 2019 "Transforming Procurement Best Practices in Procurement Government"
27 April	Dewan Besar Topaz, Hotel One World , Selangor	MARGMA Annual Seminars

		
7 Mei	Dewan Philip Kotler, FEP, UPM Serdang	Sesi Taklimat mengenai Akta Persaingan 2010 bersama Institusi Pengajian Tinggi - Universiti Putra Malaysia
14 Mei	Wisma DLS, Glenmarie, Shah Alam	Sesi Latihan mengenai Akta Persaingan 2010 kepada Lam Soon Edible Oils Sdn Bhd
3 Julai	Hotel Doubletree Hilton, Kuala Lumpur	Corporate Counsel Conference 2019 - Practical Guidelines For Avoiding Competition Law Violations In Your Organization
17 Julai	Hotel InterContinental , Kuala Lumpur	"The Impact Of Competition Policy & Enforcement On The Economy" pada 2nd Annual General Counsel & Company Secretary : Over the Horizon 2019
8 Ogos	Hotel Hyatt Regency, Kota Kinabalu, Sabah	Siri Seminar Persaingan 2019: Katakan Tidak Kepada Tipuan Bida di Kota Kinabalu
9 Ogos	Hotel Hyatt Regency, Kota Kinabalu, Sabah	Siri Seminar Persaingan 2019: Managing Competition Compliance in Your Business
27 Ogos	Hotel Four Points By Sandakan, Sandakan, Sabah	Siri Seminar Persaingan 2019: Transformasi Perniagaan Melalui Pematuhan Dan Penguatkuasaan Undang-Undang Persaingan 2010
29 Ogos	Hotel Borneo Royale, Tawau, Sabah	Siri Seminar Persaingan 2019: Transformasi Perniagaan Melalui Pematuhan Dan Penguatkuasaan Undang-Undang Persaingan 2010
11 September	Gas Malaysia Berhad, Shah Alam	Sesi Taklimat mengenai Akta Persaingan 2010 kepada Gas Malaysia Berhad
20 September	Dewan Megapuri, DBKL, KL	Taklimat Garis Panduan Menentang Tipuan Bida Dalam Perolehan Awam kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
7 Oktober	Dewan 3, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC),KL	PETRONAS 2019 Compliance Conference - Up, Close and Personal With MyCC

PROGRAM ADVOKASI



24 Oktober

Tenaga Nasional Berhad,
Bangunan Dua Sentral, KL

Sesi Latihan mengenai Akta Persaingan
2010 kepada Jabatan Perkhidmatan
Undang-undang, Tenaga Nasional Berhad
(TNB)

14 November

Bilik Mesyuarat
Utama, Suruhanjaya
Persaingan Malaysia (MyCC)

Sesi Taklimat mengenai Akta Persaingan
2010 bersama Institusi Pengajian Tinggi -
Saito University College

21 November

Dewan Serba Guna , Indah
Water Konsortium S/B,
Damansara Heights, KL

Enhancing Integrity in Procurement
Training Programme - Knowledge Sharing
On Competition In Malaysia

24 November

Universiti Utara Malaysia,
Sintok

Sesi Taklimat mengenai Akta Persaingan
2010 bersama Institusi Pengajian Tinggi -
Universiti Utara Malaysia

25 November

Bilik Mesyuarat
Utama, Suruhanjaya
Persaingan Malaysia (MyCC)

Sesi Taklimat mengenai Akta Persaingan
2010 bersama Institusi Pengajian Tinggi-
Saito University College

27 November

Hotel Sunway Putra, KL

Consumer Protection and Digital Financial
Literacy -Market Conduct and Competition

18 Disember

Hotel Vivatel, Kuala Lumpur

Sesi Meja Bulat Mengenai Pelaksanaan dan
Penguatkuasaan Akta Persaingan 2010 &
Bengkel Persaingan: Membina Perkongsian
Yang Berjaya

19 Disember

Hotel Vivatel, Kuala Lumpur

Bengkel Kewartawanan mengenai Undang-
Undang Persaingan 2010

20 Disember

Wisma FGV, KL

Sesi Perkongsian Pengetahuan mengenai
Perolehan FGV Holdings Berhad

KOMUNIKASI DAN PERHUBUNGAN AWAM

Pada tahun 2019, inisiatif yang telah dilaksanakan termasuk pameran dan mengadakan wawancara untuk media massa seperti surat khabar, televisyen dan radio.

MyCC juga telah mengeluarkan kenyataan akhbar melalui media cetak dan elektronik tentang keskes dan isu-isu yang melibatkan persaingan serta mengadakan publisiti dalam talian melalui media sosial dan laman sesawang rasmi MyCC.

PENGLIBATAN DALAM PROGRAM-PROGRAM KEMENTERIAN DAN AGENSI

MyCC juga telah terlibat dalam beberapa program-program yang dikendalikan oleh Kementerian dan agensi-agensi dibawahnya. Pada tahun 2019, program-program yang telah disertai oleh MyCC antaranya;



22 - 23

APR 2019

SSM BIZFair



23

JUL 2019

SSM Conference 2019



30 - 03

OKT - NOV 2019

Karnival Beli Barang Malaysia (Johor)



30

JUL 2019

Hari Penjaja dan Peniaga Kecil 2019 Peringkat Kebangsaan



KOMUNIKASI DAN PERHUBUNGAN AWAM

PROGRAM-PROGRAM LAIN OLEH MyCC

Bagi mengukuhkan lagi publisiti dan perhubungan awam, MyCC turut menjalankan Program Khidmat Masyarakat kepada golongan anak-anak asnaf dan fakir miskin di Sekolah Kebangsaan Seri Cheras, Kuala Lumpur pada 16 Mei 2019.



TEMU BUAL & WAWANCARA

MyCC juga telah mengadakan beberapa siri temu bual dan wawancara bersama Astro Awani @ Niaga AWANI, Berita Harian, Bloomberg, Focus Malaysia, The Edge dan BFM tentang fungsi dan peranan MyCC serta liputan tentang isu-isu terkini dan perkembangan berkaitan MyCC dan akta persaingan di Malaysia.

MyCC juga telah mengadakan sidang akhbar berkaitan dengan keputusannya dan pelancaran kajian semula pasaran.



KENYATAAN AKHBAR

Pada tahun 2019, MyCC mengeluarkan sebanyak lima belas (15) kenyataan akhbar yang berkaitan:



MyCC meterai hubungan kerjasama dengan Monash University, Brickfields Asia College dan MIER

MyCC anjur seminar tipuan bida dan pematuhan persaingan di Sabah

MyCC mengutarakan isu persaingan bagi lima (5) barang makanan

Suruhanjaya Persaingan Malaysia sentiasa pantau industri simen

Tiada penetapan harga jualan semula bagi produk Coca-Cola

Mahkamah Tinggi bersetuju dengan tindakan MyCC terhadap MyEG

MyCC and MARDI usahasama banteras tipuan bida

MyCC lancar garis panduan hak harta intelek dan undang-undang persaingan

MyCC Menandatangani MoU bersama UPM dan MPC

MyCC cadang Grab didenda RM 86 juta kerana amalan menindas

MyCC welcome public feedback in relation to the proposed block exemption order in respect of liner shipping services

RM9.4 million penalty imposed on MyEG for infringing the Competition Act 2010

MyCC terima aku janji daripada Persatuan Pemandu-pemandu Pelancong Sabah (STGA)

Pengawal selia sektor menyokong Jawatankuasa Khas Persaingan

Penalti RM 1.94 juta kepada lapan perusahaan kerana melakukan tipuan bida

LAMAN SESAWANG DAN PLATFORM MEDIA SOSIAL

MyCC berkongsi aktiviti publisiti dan perhubungan awam melalui laman sesawang dan media sosial untuk menyebarkan maklumat terkini kepada orang ramai. Pada 8 Ogos 2019, MyCC telah melancarkan laman sesawang serta Sistem e-Pembelajaran Pematuhan Persaingan yang telah diperbaharui dan ditambahbaik.



LAMAN SESAWANG MyCC

www.mycc.gov.my



@themycc

KOMUNIKASI DAN PERHUBUNGAN AWAM

BERITA MyCC



PENYATA KEWANGAN







**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 1 hingga 26, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Suruhanjaya Persaingan Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Anggota Suruhanjaya, Suruhanjaya Persaingan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713). Anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia, Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Suruhanjaya Persaingan Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesahkan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Suruhanjaya Persaingan Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Suruhanjaya.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Suruhanjaya dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Suruhanjaya Persaingan Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia memberi gambaran yang saksama.

Hal-hal Lain

- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2.1 kepada penyata kewangan, Suruhanjaya Persaingan Malaysia telah menerima pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) mulai 1 Januari 2019, dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2019. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih serta Penyata Aliran Tunai Suruhanjaya Persaingan Malaysia bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2019 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terlibat untuk melaporkan maklumat perbandingan yang dinyatakan semula dan yang tidak diaudit.

Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2019, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2019 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

- b. Sijil ini dibuat untuk Anggota Suruhanjaya berdasarkan Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(HELY HERLYNNA MOHD KASSIM)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

PUTRAJAYA
12 NOVEMBER 2020





**PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA SURUHANJAYA SURUHANJAYA
PERSAINGAN MALAYSIA**

Kami **DATO' SERI MOHD HISHAMUDIN BIN MD YUNUS dan DATO' JAGJIT SINGH A/L BANT SINGH** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Suruhanjaya **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Suruhanjaya, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA** pada **31 DISEMBER 2019** dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Mohd Hishamudin". It is written over a horizontal dotted line.

DATO' SERI MOHD HISHAMUDIN BIN MD YUNUS

**PENGERUSI
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**

**TARIKH: 9 NOVEMBER 2020
TEMPAT: KUALA LUMPUR**

Bagi pihak Lembaga,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Jagjit Singh". It is written over a horizontal dotted line.

**DATO' JAGJIT SINGH A/L BANT
SINGH**

**ANGGOTA
SURUHANJAYA PERSAINGAN
MALAYSIA**

**TARIKH: 9 NOVEMBER 2020
TEMPAT: KUALA LUMPUR**

Suruhanjaya Persaingan Malaysia
Malaysia Competition Commission (MyCC)
Level 15, Menara SSM @ Sentral,
No.7, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral,
50623 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2273 2277
Fax : +603 2272 1692
www.mycc.gov.my



**PENGAKUAN OLEH KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA**

Saya, **ISKANDAR BIN ISMAIL**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA** dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di KUALA LUMPUR)
pada - 9 NOV 2020)


ISKANDAR BIN ISMAIL
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,
SURUHANJAYA PERSAINGAN MALAYSIA



Suruhanjaya Persaingan Malaysia
Malaysia Competition Commission (MyCC)
Level 15, Menara SSM @ Sentral,
No.7, Jalan Stesen Sentral 5,
Kuala Lumpur Sentral,
50623 Kuala Lumpur.

Tel : +603 2273 2277
Faks : +603 2272 1692
www.mycc.gov.my

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji dan Peralatan	3	715,007	985,215
Jumlah Aset Bukan Semasa		715,007	985,215
ASET SEMASA			
Deposit dan Prabayar	4	221,441	223,090
Faedah Terakru		323,112	446,214
Pelbagai Penghutang		16,131	9,350
Tunai dan Kesetaraan Tunai	5	43,275,146	21,874,918
Jumlah Aset Semasa		43,835,830	22,553,572
JUMLAH ASET		44,550,837	23,538,787
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Geran Kerajaan Tertunda	6	823,873	439,296
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		823,873	439,296
LIABILITI SEMASA			
Akruan dan Peruntukan		251,688	64,058
Pemiutang	7	231,062	69,579
Pendapatan Tertunda	15	19,664,700	6,412,200
Cukai Belum Bayar		221,042	-
Jumlah Liabiliti Semasa		20,368,492	6,545,837
JUMLAH LIABILITI		21,192,365	6,985,133
JUMLAH ASET BERSIH		23,358,472	16,553,654
JUMLAH ASET BERSIH DAN LIABILITI		44,550,837	23,538,787

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR **31 DISEMBER 2019**

	Nota	2019 RM	2018 RM
HASIL			
Penerimaan daripada Geran Kerajaan	8	16,361,423	6,927,863
Denda dan Hukuman		-	33,069
Faedah Bank dan Faedah Simpanan Tetap	9	921,008	519,022
Yuran Seminar		38,235	4,210
Yuran Permohonan Pengecualian		-	200,000
Jualan Kenderaan dan Bahan Cetak		-	34,090
Lain-Lain Terimaan		11,928	656
Jumlah Hasil		17,332,594	7,718,910
Belanja			
Emolumen		4,301,173	4,295,761
Perjalanan dan Penginapan		159,277	122,586
Utiliti dan Komunikasi		228,218	241,110
Sewa		1,018,260	1,041,721
Susutnilai	3	385,202	380,664
Perbelanjaan Pentadbiran	10	114,265	106,109
Perbelanjaan Perkhidmatan		248,110	286,838
Gaji dan Elaun Anggota Suruhanjaya		663,039	595,262
Keraian, Honorarium dan Sumbangan		171,882	50,309
Perbelanjaan Unit/Bahagian	11	2,501,885	1,990,990
Perbelanjaan Pembangunan - Kajian Pasaran	12	515,423	117,963
Jumlah Belanja		10,306,734	9,229,313
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan		7,025,860	(1,510,403)
Sebelum Cukai	13		
Cukai Pendapatan		(221,042)	-
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan		6,804,818	(1,510,403)
Selepas Cukai			

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH

BAGI TAHUN BERAKHIR **31 DISEMBER 2019**

	Lebihan Terkumpul RM
Baki pada 1 Januari 2018	18,064,057
Kurangan Pendapatan	(1,510,403)
Baki pada 31 Disember 2018	16,553,654
Lebihan Pendapatan	6,804,818
Baki pada 31 Disember 2019	23,358,472

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR **31 DISEMBER 2019**

	2019 RM	2018 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
Lebihan / (Kurangan) Pendapatan	6,804,818	(1,510,403)
Pelarasan:		
Susutnilai	385,202	380,664
Faedah Bank dan Faedah Simpanan Tetap	(921,008)	(519,022)
KURANGAN PENDAPATAN SEBELUM PERUBAHAN DALAM MODAL KERJA	6,269,012	(1,648,761)
Pengurangan /(Pertambahan) Deposit dan Prabayar (Pertambahan) / Pengurangan Pelbagai Penghutang	1,649	(6,514)
Pertambahan Pelbagai Pembiutang	(6,781)	62,851
TUNAI BERSIH DIGUNAKAN BAGI AKTIVITI OPERASI	14,207,232	3,927,673
	20,471,112	2,335,249
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(114,994)	(446,639)
Faedah Bank dan Faedah Simpanan Tetap	1,044,110	555,208
TUNAI BERSIH DARI AKTIVITI PELABURAN	929,116	108,569
PENGURANGAN BERSIH DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI	21,400,228	2,443,818
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	21,874,918	19,431,100
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	43,275,146	21,874,918
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DIWAKIL OLEH:		
Wang Tunai dan Baki Bank	13,041,404	5,839,352
Simpanan Tetap	30,233,742	16,035,566
	43,275,146	21,874,918

Nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

PENYATA PERBANDINGAN BELANJAWAN DAN SEBENAR

BAGI TAHUN BERAKHIR **31 DISEMBER 2019**

	JUMLAH BELANJAWAN		JUMLAH SEBENAR	VARIAN
	ASAL RM	AKHIR RM	RM	RM
Belanja				
Emolumen	4,329,790	4,382,990	4,301,173	(81,817)
Perjalanan dan Penginapan	152,000	183,300	159,277	(24,023)
Utiliti dan Komunikasi	233,800	244,000	228,218	(15,782)
Sewa	1,052,810	1,018,810	1,018,260	(550)
Susut Nilai	-	-	385,202	385,202
Perbelanjaan Pentadbiran	201,200	223,200	114,265	(108,935)
Perbelanjaan Perkhidmatan	196,000	276,000	248,110	(27,890)
Gaji dan Elaun Anggota Suruhanjaya	746,400	712,100	663,039	(49,061)
Keraian, Honorarium dan Sumbangan	160,000	195,100	171,882	(23,218)
Perbelanjaan Unit/Bahagian	4,485,000	4,921,500	2,501,885	(2,419,615)
Perbelanjaan Pembangunan - Kajian Pasaran	-	-	515,423	515,423
Jumlah Belanja	11,557,000	12,157,000	10,306,734	1,850,266

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

1 MAKLUMAT AM

- 1.1 Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) ditubuhkan pada 1 April 2011 di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010 (Akta 713). Suruhanjaya merupakan agensi di bawah kawal selia Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna dan merupakan satu badan bebas yang ditubuhkan untuk menguatkuasakan Akta Persaingan 2010. Peranan utama Suruhanjaya adalah untuk melindungi proses persaingan bagi kepentingan perniagaan, pengguna dan ekonomi Malaysia. Pada setakat 31 Disember 2019, Suruhanjaya ini menempatkan seramai 70 orang pegawai.
- 1.2 MyCC beroperasi di alamat Tingkat 15, Menara SSM @ Sentral No.7, Jalan Stesen Sentral 5, 50623 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan.
- 1.3 Penyata Kewangan MyCC adalah bagi tempoh bermula 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019.
- 1.4 Mata Wang fungsian MyCC adalah Ringgit Malaysia ("RM"), di mana setiap operasi dan transaksi adalah dalam RM. Bagi tujuan penyata kewangan ia dicatatkan dalam RM, yang merupakan mata wang fungsian MyCC.
- 1.5 Penyata Kewangan MyCC bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah diluluskan oleh Anggota-anggota Suruhanjaya pada 9 November 2020.
- 1.6 MyCC bertanggungjawab menjalankan fungsi-fungsi seperti melaksana dan menguatkuasakan peruntukan-peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Persaingan 2010, mengeluarkan garis panduan berhubung pelaksanaan dan penguatkuasaan undang-undang persaingan, bertindak sebagai penyokong untuk hal-hal berkaitan persaingan, menjalankan kajian am berhubung isu-isu yang berkaitan dengan persaingan dalam ekonomi Malaysia atau sektor-sektor ekonomi tertentu di Malaysia, memaklum dan mendidik orang awam berkenaan cara-cara yang mana persaingan boleh memberi faedah kepada pengguna dan juga ekonomi Malaysia.

2 DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

- 2.1.1 Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan (bersambung)

- 2.1.2 Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS kerana Suruhanjaya telah memilih pengecualian berhubung dengan pengiktirafan aset dan liabiliti seperti yang dinyatakan dalam nota 2.14 pada Penyata Kewangan. Sebelum ini, penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan piawaian perakaunan "Malaysian Private Entities Reporting Standard" (MPERS) yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).
- 2.1.3 Penyediaan penyata kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan. Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam nota 2.13 kepada penyata kewangan.

2.2 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.2.1 Pengiktirafan Pendapatan

(i) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu diambil kira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Manakala, Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan, diktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

(ii) Denda dan Hukuman

Pendapatan denda dan hukuman merangkumi penalti kewangan yang dikenakan terhadap perusahaan atau syarikat atas pelanggaran syarat yang termaktub dalam Akta Persaingan 2010 (Akta 712). Jumlah penalti kewangan dikenakan adalah tidak melebihi 10% daripada keseluruhan pendapatan perusahaan atau syarikat sepanjang tempoh pelanggaran berlaku.

(iii) Faedah Bank dan Faedah Simpanan Tetap

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan kepada pembahagian masa dan kadar efektif yang menjangkaui tempoh matang. Manakala, pendapatan faedah bank diiktiraf berdasarkan akruan.

(iv) Yuran Seminar

Yuran seminar yang diterima merupakan hasil daripada pelaksanaan program seminar berkaitan dengan Akta Persaingan 2010 yang dijalankan sepanjang tahun kewangan MyCC.

2.2 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan (bersambung)

2.2.1 Pengiktirafan Pendapatan (bersambung)

(v) Yuran Permohonan Pengecualian

Yuran Permohonan Pengecualian yang diterima adalah daripada entiti perniagaan yang memohon pengecualian daripada Akta Persaingan 2010.

(vi) Jualan Kenderaan dan Bahan Cetak

Jualan kenderaan merupakan hasil yang diterima oleh Suruhanjaya bagi kenderaan yang dilupuskan dan dijual.

(vii) Lain-Lain Terimaan

Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.2.2 (i) hingga (v) di atas. Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.2.2 (i) hingga (v) di atas. Ia diiktiraf sebagai pendapatan selepas perkhidmatan diberikan.

2.3 Hartanah, Loji dan Peralatan

2.3.1 Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul.

Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset berkenaan ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pengurusan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan. Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000 seunit.

2.3.2 Nilai di bawah item harta, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf harta, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

2.4 Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

2.4.1 Susutnilai dikira dengan menggunakan kaedah garis lurus untuk menghapus kira nilai kos aset sepanjang anggaran hayat berguna bagi aset-aset yang berkenaan.

2.4.2 Kadar susutnilai harta, loji dan peralatan adalah seperti yang berikut :

Kenderaan bermotor	20%
Peralatan pejabat dan perabot	10%
Buku	10%
Komputer	20%

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2.4 Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan (bersambung)

2.4.3 Sekiranya terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak dan dilaraskan secara prospektif pada tahun semasa.

2.5 Aset Kewangan

2.5.1 Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila MyCC menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.5.2 Pada awal pengiktirafan, aset kewangan yang diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kekurangan, yang terlibat secara langsung di dalam menjana aset kewangan.

2.5.3 Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

2.5.4 Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana MyCC membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

2.5.5 MyCC mempunyai kategori aset kewangan seperti yang berikut:

(i) Pinjaman dan belum terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah berkesan atau ditolak rosotnilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskau atau premium atas pembelian aset tersebut serta kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.

2.5 Aset Kewangan (bersambung)

2.5.5 MyCC mempunyai kategori aset kewangan seperti yang berikut: (bersambung)

(ii) Pelaburan dipegang hingga matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila MyCC mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang pelaburan tersebut sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang, pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan atau ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskau atau premium atas pengambil alihan dan kos yang merupakan sebahagian daripada kaedah faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

(iii) Penyahiktirafan aset kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut telah tamat tempoh atau telah selesai serta MyCC telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain. Semasa penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

(iv) Rosot nilai aset kewangan

Pada setiap tarikh lembaran imbalan, MyCC mengkaji semula nilai dibawa bagi aset kewangan bagi menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk rosot nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai yang diperoleh dengan membandingkan nilai dibawa dengan nilai yang boleh diperoleh. Nilai yang boleh diperoleh adalah nilai yang lebih tinggi antara harga jualan bersih dan nilai gunapakai yang ditaksirkan menggunakan anggaran aliran tunai hadapan didiskaunkan. Nilai yang boleh diperolehi akan ditentukan bagi setiap aset atau sekiranya tidak dapat ia akan ditentukan melalui unit janaan tunai yang dimiliki oleh aset berkenaan.

Kerugian rosot nilai diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan sebagai perbelanjaan dalam tempoh ianya berlaku.

Pembalikan rosot nilai aset yang diiktiraf pada tahun lepas akan direkodkan sekiranya terdapat petunjuk bahawa rosot nilai yang diiktiraf pada tahun lepas tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Pembalikan nilai tersebut akan direkodkan sehingga aman sebenar aset yang akan ditentukan (setelah ditolak susut nilai dan pelunasan nilai) sekiranya tiada kerugian susutnilai yang pernah direkodkan. Pembalikan nilai akan direkodkan terus di dalam penyata prestasi kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2.6 Peruntukan dan Liabiliti

2.6.1 Peruntukan diiktiraf apabila Suruhanjaya mempunyai obligasi semasa hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Suruhanjaya menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan di penyata prestasi kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

2.7 Liabiliti Kewangan

2.7.1 Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila MyCC menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.7.2 Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

2.7.3 Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

2.7.4 MyCC mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti yang berikut:

(i) Pinjaman dan belum bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukkan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskau anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

(ii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan di dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sekiranya terdapat perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.8 Kemungkinan Luar Jangka

2.8.1 Terdapat kemungkinan pemindahan manfaat ekonomi kepada pihak ketiga sekiranya rayuan dibuat terhadap keputusan MyCC. Oleh itu, maklumat kemungkinan luar jangka seperti yang diperlukan di bawah ‘Seksyen 21 Kemungkinan Luar Jangka’ tidak didedahkan atas alasan ia boleh menjelaskan keputusan prosiding guaman tersebut.

2.9 Tunai dan Kesetaraan Tunai

2.9.1 Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki di bank dan simpanan tetap di institusi-institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang disedia tukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai tidak ketara.

2.10 Manfaat Pekerja

2.10.1(i) Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Manfaat pekerja jangka pendek merangkumi gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah dan pelbagai cuti termasuk cuti tahunan.

(ii) Manfaat Pekerja Selepas Perkhidmatan

MyCC mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) pada kadar yang wajib dicarumkan mengikut perundangan di Malaysia. Caruman berkenaan dicaj ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

MyCC mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi pekerja yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut dicaj ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

2.11 Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)

2.11.1 Setiap hasil, perbelanjaan dan juga aset diiktiraf bersih daripada SST. Jumlah SST tidak dituntut dan diiktiraf sebagai perbelanjaan atau sebahagian daripada kos perolehan aset.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2.12 Maklumat Bajet

2.12.1 Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu penyata perbandingan bajet dan sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

2.13 Pertimbangan dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

2.13.1 Pengukuran aset dan liabiliti memerlukan pengurusan untuk membuat anggaran berdasarkan pemantauan dan andaian lain yang difikirkan wajar. Antara perkara yang tertakluk kepada ketidakpastian anggaran adalah dalam mengukur;

- (i) Perubahan Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan
Hartanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset berkenaan. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.
- (ii) Pengiraan Cukai Pendapatan
Pertimbangan adalah penting dalam menentukan cukai semasa dan cukai tertunda MyCC oleh kerana cukai muktamad bagi MyCC secara keseluruhan adalah tidak menentu. Apabila keputusan akhir cukai yang perlu dibayar telah ditentukan oleh pihak berkuasa, jumlah berkenaan mempunyai kebarangkalian berbeza daripada anggaran awal cukai yang perlu dibayar. Perbezaan tersebut boleh memberi kesan kepada cukai semasa dan cukai tertunda pada tempoh pengiraan dibuat. MyCC akan mengambil kira perbezaan berkenaan samaada ia terlebih atau terkurang pada cukai semasa atau cukai tertunda dalam tempoh perbezaan tersebut dikenalpasti.
- (iii) Pengukuran Peruntukan
MyCC sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas bagi mengukur sesuatu peruntukan. Anggaran tersebut dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.14 Kesan Pemakaian MPSAS

2.14.1 MyCC telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan seperti yang berikut ketika menyediakan penyata kewangan yang pertama kali disediakan mengikut perakaunan MPSAS.

Peruntukan dan Pengecualian yang memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan:

(i) Peruntukan ke atas Gantian Cuti Rehat (GCR)

Bagi tahun kewangan sebelum ini, MyCC tidak membuat peruntukan ke atas gantian cuti rehat. MPSAS mengkehendaki peruntukan-peruntukan ini dibuat kerana ia telah memenuhi syarat kepada sesuatu peruntukan itu perlu dibuat. MyCC akan membuat pengiraan peruntukan gantian cuti rehat di mana beberapa andaian perlu dibuat dalam pengiraan gantian cuti rehat. MyCC telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi mengiktiraf peruntukan ke atas gantian cuti rehat ini bagi tempoh setahun bermula daripada tarikh menerima MPSAS atau sehingga peruntukan-peruntukan tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini adalah kerana MyCC masih lagi dalam proses untuk mengumpul data berhubung dengan pekerja MyCC.

Peruntukan dan Pengecualian yang tidak memberi kesan ketara ke atas penyata kewangan :

(i) Aset dan liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf

MyCC tidak akan mengiktiraf semula mana-mana aset atau liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunakan rangka kerja perakaunan terdahulu ketika menggunakan rangka kerja MPSAS. Jika sesuatu aset atau liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf di bawah rangka kerja perakaunan terdahulu maka MyCC memilih untuk terus mengiktiraf aset dan liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

(ii) Pengiktirafan inventori

MyCC memiliki beberapa inventori yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan di mana MyCC telah mengiktiraf ia sebagai belanja di dalam penyata prestasi kewangan. MPSAS menghendaki inventori ini dipermodalkan. MyCC telah memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan inventori ini bagi tempoh setahun daripada tarikh menerima MPSAS atau sehingga peruntukan-peruntukan tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). MyCC masih dalam proses untuk mengemakini maklumat berhubung inventori.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

2.15 Polisi Pengurusan Risiko Kewangan

2.15.1 Polisi pengurusan risiko kewangan MyCC bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi untuk menjalankan operasinya dengan lancar. MyCC akan mempertimbangkan dan menilai risiko pengurusan kewangan yang dibangkitkan dari semasa ke semasa.

(i) Risiko Kadar Faedah

MyCC membiayai operasinya dengan dana dalaman dan oleh itu, tidak terdedah kepada risiko kadar faedah dari pinjaman bank.

(ii) Risiko Kredit

MyCC tidak berurus niaga secara kredit yang material dan oleh itu, tidak terdedah kepada risiko kredit.

(iii) Risiko Pertukaran Mata Wang Asing

MyCC tidak mempunyai urus niaga pertukaran mata wang asing dan oleh itu, tidak terdedah kepada risiko pertukaran mata wang asing.

(iv) Risiko Mudah Tunai

MyCC mengamalkan pengurusan risiko mudah tunai yang berhemah bagi meminimakan ketidakpadanan aset dan liabiliti kewangan serta untuk mewujudkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi bagi memenuhi keperluan modal kerja.

(v) Risiko Tindakan Guaman

Subseksyen 3(3) Akta MyCC Persaingan 2010 (Akta 713) menyatakan MyCC boleh disaman atas namanya manakala Subseksyen 3(4) memberi kuasa kepada MyCC untuk membuat kontrak. MyCC boleh dikenakan tindakan guaman oleh pihak ketiga sekiranya MyCC melanggar kontrak atau mana-mana prosidur di bawah Akta 712 dan Akta 713.

3 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Kenderaan Bermotor RM	Perabot dan Kelengkapan Pejabat RM	Buku RM	Komputer RM	Jumlah RM
Kos					
Baki pada 1 Januari 2019	818,080	269,319	276,313	1,160,077	2,523,789
Pertambahan Tahun Semasa	-	-	-	114,994	114,994
Baki pada 31 Disember 2019	818,080	269,319	276,313	1,275,071	2,638,783
Susutnilai Terkumpul					
Baki pada 1 Januari 2019	501,732	143,695	152,072	741,075	1,538,574
Susutnilai Tahun Semasa	94,087	26,932	27,631	236,552	385,202
Baki pada 31 Disember 2019	595,819	170,627	179,703	977,627	1,923,776
Nilai Buku Bersih	222,261	98,692	96,610	297,444	715,007

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

3 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (BERSAMBUNG)

	Kenderaan Bermotor <i>Dinyatakan Semula</i> RM	Perabot dan Kelengkapan Pejabat RM	Buku RM	Komputer RM	Jumlah <i>Dinyatakan Semula</i> RM
Kos					
Baki pada 1 Januari 2018	669,366	257,734	276,313	1,045,453	2,248,866
Pertambahan / (Pengurangan) Tahun Semasa	320,430	11,585	-	114,624	446,639
Pelupusan Aset Tahun Semasa	(171,716)	-	-	-	(171,716)
Baki pada 31 Disember 2018	818,080	269,319	276,313	1,160,077	2,523,789
Susutnilai Terkumpul					
Baki pada 1 Januari 2018	579,362	116,763	124,441	509,060	1,329,626
Susutnilai Tahun Semasa	94,086	26,932	27,631	232,015	380,664
Pelupusan Aset Tahun Semasa	(171,716)	-	-	-	(171,716)
Baki pada 31 Disember 2018	501,732	143,695	152,072	741,075	1,538,574
Nilai Buku Bersih	316,348	125,624	124,241	419,002	985,215

4 DEPOSIT DAN PRABAYAR

	2019 RM	2018 RM
Deposit elektrik	77,470	77,469
Lain-lain deposit dan cagaran	142,621	145,621
Pendahuluan Diri	1,350	-
Jumlah Deposit dan Prabayar	221,441	223,090

5 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2019 RM	2018 RM
Tunai dalam tangan	4,057	3,991
Akaun Semasa CIMB (Mengurus)	11,866,482	5,012,024
Akaun Semasa CIMB (Pembangunan)	1,170,865	823,337
Jumlah Wang Tunai dan Baki Bank	13,041,404	5,839,352
Simpanan Tetap		
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	14,173,693	13,577,457
Malaysia Building Society Berhad	16,060,049	2,458,109
Jumlah Simpanan Tetap	30,233,742	16,035,566
Tunai dan Kesetaraan Tunai	43,275,146	21,874,918

6 GERAN KERAJAAN TERTUNDA (LIABILITI BUKAN SEMASA)

MyCC telah diberikan peruntukan geran pembangunan bagi pembangunan Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada tahun kewangan 2016, 2017 dan 2019. Pada tahun 2019, MyCC telah menerima peruntukan geran pembangunan berjumlah RM900,000 bagi menjalankan Kajian Pasaran Sektor Perkhidmatan. Walau bagaimanapun, sejumlah RM76,127 dibelanjakan pada tahun 2019, manakala baki berjumlah RM823,873 akan dibuat pada tahun berikutnya sehingga Kajian Pasaran tersebut selesai.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

7 PEMIUTANG

	2019 RM	2018 RM
Lain-Lain Potongan	4,596	4,206
Pemiutang - Lain -Lain	226,466	65,373
Jumlah Pemiutang	231,062	69,579

8 PENERIMAAN DARIPADA GERAN KERAJAAN

	2019 RM	2018 RM
Geran Mengurus	15,846,000	6,809,900
Geran Pembangunan	515,423	117,963
	16,361,423	6,927,863

MyCC telah menerima pemberian belanja mengurus berjumlah RM15,846,000 (2018 : RM6,809,900) bagi menampung tanggungan kewangan MyCC pada tahun 2019.

9 FAEDAH BANK DAN SIMPANAN TETAP

	2019 RM	2018 RM
Faedah Bank	78,433	15,125
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia	537,624	391,678
Malaysia Building Society Berhad	304,951	112,219
	921,008	519,022

Kadar faedah bagi simpanan tetap adalah di antara 2.70% - 3.95% dan tempoh simpanan adalah di antara 1 hari hingga 12 bulan.

10 PERBELANJAAN PENTADBIRAN

	2019 RM	2018 RM
Minyak Petrol	35,790	31,759
Perbelanjaan Pejabat	78,475	74,350
	114,265	106,109

11 PERBELANJAAN UNIT/BAHAGIAN

	2019 RM	2018 RM
Latihan Pembangunan Kapasiti	1,127,276	369,974
Program Advokasi	171,635	564,301
Penguatkuasaan dan Penyiasatan	275,955	146,556
Perancangan Media dan Komunikasi	309,328	519,300
Perundungan	198,484	106,788
Penyelidikan (<i>Guidelines/Market Study</i>)	145,540	46,590
Pembangunan ICT dan Website	273,667	237,481
	2,501,885	1,990,990

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

12 PERBELANJAAN PEMBANGUNAN - KAJIAN PASARAN

	2019 RM	2018 RM
Kajian Pasaran Bahan Binaan	-	5,715
Kajian Pasaran Sektor Makanan	439,296	112,248
Kajian Pasaran Sektor Perkhidmatan	76,127	-
	515,423	117,963

13 CUKAI PENDAPATAN

Penyesuaian perbelanjaan cukai pendapatan ke atas lebihan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai efektif pendapatan MyCC bagi tahun 31 Disember 2019 dan perbezaan bagi tahun sebelum adalah seperti berikut :

	2019 RM	2018 RM
Lebihan/(Kurangan) sebelum cukai	7,025,860	(1,510,403)
Cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun (24%)	1,686,206	(362,497)
Perbelanjaan yang tidak dibenarkan untuk tolakan cukai	109,907	91,359
Lebihan/Kurangan perniagaan yang boleh ditolak	(1,417,797)	271,138
Elaun modal	221,042	-

14 PIHAK PENGURUSAN UTAMA

Pihak pengurusan utama merupakan mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, memberi arahan dan mengawal aktiviti-aktiviti MyCC secara langsung dan tidak langsung.

Jumlah emolumen dan elaun bagi pihak pengurusan utama bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan perbezaan bagi tahun sebelum adalah seperti berikut :

	2019 RM	2018 RM
Jumlah Emolumen dan Elaun	724,471	645,318

15 KES PERUNDANGAN

Pendapatan tertunda berjumlah RM19,664,700 merupakan bayaran penalti yang telah diputuskan ke atas MyEG berjumlah RM9,654,700 (2018 : RM6,412,200) dan AirAsia Berhad (AirAsia) termasuk penalti RM10,000,000 berserta kos RM10,000.

Setakat 31 Disember 2019, kes Malaysia Airline System Berhad (MAS) dan AirAsia Berhad (AirAsia) masih di peringkat Semakan Kehakiman terhadap keputusan oleh Mahkamah Tinggi di Mahkamah Rayuan.